



**MODUL BAHASA MELAYU SPM
DAERAH MUAR JILID 1 2021/2022**



**DIUSAHAKAN OLEH :
JKKPD BAHASA MELAYU MENENGAH ATAS
DAERAH MUAR**

**DENGAN KERJASAMA:
SISC+ (BAHASA) SEKTOR PEMBELAJARAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MUAR**

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Karangan Respons Terhadap (Umum)	3 - 7
Karangan Respons Terhadap (Surat kiriman)	8 - 9
Karangan Respons Terhadap (E-mel)	10 -16
Karangan Respons Terhadap (Resume)	17 - 19
Karangan Respons Terbuka (Domain Awam)	20- 24
Karangan Respons Terbuka (Domain Peribadi)	25- 29
Karangan Respons Terbuka (Domain Pendidikan)	30- 35
Karangan Respons Terbuka (Domain Kerjaya)	36- 38
Morfologi	39 - 42
Sintaksis	43 - 44
Penyuntingan	45 - 47
Bahasa Melayu Standard	48 - 49
Peribahasa	50 - 60
Petikan Umum	61 - 65
Petikan Sastra	66 - 72
Novel	73 - 77
Rumusan	78 - 87
Senarai Penulis Modul	88

(KARANGAN RESPONS TERHAD)

BAHAGIAN A

[30 markah]

Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan pemakanan seimbang.

Huraikan pendapat anda tentang amalan pemakanan seimbang.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Rakyat Malaysia paling gemuk di Asia Tenggara

» Menurut kajian hampir separuh warga kita alami masalah obesiti: Dr Subramaniam

» Kuala Lumpur

Kajian oleh jurnal perubahan United Kingdom (UK) pada tahun 2013, mendapati kira-kira 45 peratus rakyat negara ini, mengalami berat badan berlebihan, membuat masyarakat Malaysia paling gemuk dalam kalangan

penduduk Asia Tenggara.

Hasil kajian jurnal, *The Lancet*, itu menunjukkan kegemukan rakyat Malaysia juga melebihi puratusan global, yang hanya kira-kira 30 peratus.

Punca kegemukan rakyat Malaysia itu dikatakan berasal pangs pemakanan, mengemari kari yang kaya dengan santan, ayam goreng, roti majerin dan minuman beralkohol.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, mengakui Malaysia berdepan masalah obesiti kerana budaya pemakanan tidak sihat yang menjadi amalan rakyat negara ini.

Berikut berikut, berikut itu, sukanya mengemukakan amaran

meragukan krisis tingkah laku tidak sihat tersebut.

"Pelbagai langkah diambil kerajaan bagi menangani obesiti dalam kalangan rakyat, antaranya mengurangkan subsidi minyak masak dan gula serta mengadakan aktiviti senaman secara beramai-ramai bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat."

Mampu jejak produktiviti

"Masalah obesiti sekiranya tidak ditangani, lambat laun dikhuatiri mengurangkan produktiviti serta memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi," katanya, semalam.

Perunding Institut McKinsey Global pula melaporkan, peratus

“Pelbagai langkah diambil kerajaan bagi menangani obesiti dalam kalangan rakyat, antaranya mengurangkan subsidi minyak masak dan gula serta mengadakan aktiviti senaman secara beramai-ramai bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat”

Dr S Subramaniam,

Menteri Kesihatan

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

malaysia

atau, sedikit lagi.

Lebih membimbangkan, 24 juta golongan dewasa negara ini juga mengalami masalah berat badan dan jumlah itu bakal meningkat kepada 4.5 juta menjelang tahun 2020.

194, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan yang menjalankan kajian mengenai obesiti, Mohamad Ismail Noor, menyokong usaha mengurangkan peratus makanan yang beroperasi 24 jam serta pengurangan subsidi minyak masak serta gula.

Berlalu berkata, lebih banyak tawaran rekreas perlu disediakan serta memperkatakan kempen mengurangkan pengambilan gula dalam pemakanan.

"Kerajaan juga perlu mengambili tindakan tegas dan menyatakannya bahawa premis makanan yang beroperasi 24 jam adalah tidak sihat."

"Tindakan ini perlu dilakukan kerana masalah obesiti adalah punca kepada segala penyakit," katanya.

APP

BIL	AMALAN PEMAKANAN SEIMBANG	KESAN KEPADA MASYARAKAT
1.	<ul style="list-style-type: none"> -berpandukan piramid makanan -panduan umum tentang pemakanan seimbang -merangkumi kombinasi pelbagai jenis makanan untuk memberikan zat serta nutrisi yang cukup kepada badan. 	<ul style="list-style-type: none"> -<u>Aras 1: merupakan sumber tenaga yang utama. Makanan ini juga membekalkan vitamin, mineral, serat dan sedikit protein. Setiap hidangan makanan daripada kumpulan ini perlu diambil paling banyak. Contoh makanan bagi kumpulan ini adalah nasi, bubur, roti, mi, mihun, biskut, pasta, bijirin sarapan, capati, thosai, ubi keledek, keladi dan kentang.</u> -<u>Aras 2: mengandungi makanan yang kaya dengan vitamin, mineral dan serat. Makanlah makanan di aras ini dengan banyak, dan pelbagaikan pilihan di dalam setiap hidangan. Contoh makanan bagi kumpulan ini ialah sayur-sayuran hijau dan buah-buahan.</u> -<u>Aras 3 Piramid Makanan. Makanan ini kaya dengan protein, vitamin B, zat besi, zink dan magnesium. Pilihlah daging rendah lemak dan buang semua lemak yang kelihatan pada daging dan ayam. Sekali sekala tukarkan penggunaan daging dengan kekacang, kerana ianya rendah lemak dan kaya dengan serat. Contoh kekacang adalah kacang soya dan hasilnya seperti tauhu dan tempe, kacang dhal dan kacang merah.</u>
2.	<ul style="list-style-type: none"> Pinggan Sihat Malaysia dihasilkan sebagai alat komunikasi yang lebih berkesan untuk menterjemahkan saranan daripada Panduan Diet Malaysia dan Piramid Makanan untuk membantu rakyat Malaysia mengamalkan 	<ul style="list-style-type: none"> -membantu dalam pengurusan berat badan dan pencegahan penyakit kronik berkaitan dengan obesiti seperti tekanan darah tinggi, diabetes dan penyakit kardiovaskular.

	tabiat makan secara sihat dengan merancang hidangan dalam seharian.	
3.	Menurut Menteri Kesihatan Dr Subramaniam mengakui bahawa rakyat Malaysia berdepan dengan masalah obesiti ekoran budaya pemakanan tidak sihat menjadi amalan rakyat di Malaysia.	Langkah menangani obesiti Amalan pemakanan yang sihat adalah langkah yang penting untuk mengatasi masalah obesiti. Pemakanan yang seimbang terdiri daripada semua nutrisi dari karbohidrat hinggalah ke protein. Semua nutrisi harus diambil oleh seseorang dalam kuantiti atau kadar yang disyorkan oleh pakar-pakar pemakanan. Hal ini penting bagi memastikan bahawa badannya menerima nutrisi yang cukup dan mengelakkan diri daripada berlakunya obesiti.

BAHAGIAN A
[30 markah]

Maklumat di bawah berkaitan dengan persediaan sebelum melancong.

Huraikan pendapat anda tentang persediaan sebelum melancong.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

The image contains two main parts. On the left is an infographic titled 'TIPS MERANCANG PERCUTIAN' (Tips for Planning a Vacation). It features several tips in thought bubbles: 'Memilih destinasi percutian yang sesuai' (Choose a suitable vacation destination), 'Menyediakan kos perbelanjaan yang mencukupi' (Prepare sufficient expenses), 'Merancang tempoh percutian & jadual perjalanan' (Plan the duration of the vacation and the travel schedule), 'Memilih rakan travel & pakej yang sesuai' (Choose suitable travel companions and packages), 'Mendapatkan maklumat berkenaan lokasi tersebut' (Get information about the location), and 'Membuat segala persiapan (Major/Minor)' (Make all preparations (Major/Minor)). The infographic also includes social media icons for Instagram and Facebook, and a 'LET'S GO! LANGKAWI' logo. On the right is an advertisement for 'Pakej Percutian Pulau Langkawi Family Package'. The ad features a sunset background with a family on a beach. The package details are: '3 Hari 2 Malam' (3 Days 2 Nights), 'Hotel 2 malam area Chenang, Family Room' (2-night hotel in the Chenang area, Family Room), 'Kereta sewa pandu sendiri' (Self-drive rental car), 'Island Hopping (3 Checkpoint)' (Island hopping with 3 checkpoints), and 'Free pick-up di jetty' (Free pick-up at the jetty). The price is listed as 'RM 599'. Contact information includes the phone number '019-476 0881 / 010-796 0881' and the name 'Pakej Percutian Langkawi & Kereta Sewa'.



BIL	PERSEDIAAN SEBELUM MELANCONG	KESAN KEPADA MASYARAKAT
1.	<p>Merancang percutian</p> <ul style="list-style-type: none"> -Memilih destinasi percutian yang sesuai-keluarga yang mempunyai anak-anak yang masih kecil -Menyediakan kos perbelanjaan yang mencukupi sepanjang melancong-melalui duit tabungan -Mendapatkan maklumat tentang lokasi tersebut-maklumat tempat penginapan-balai polis yang berhampiran sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini-cara hidup masyarakat setempat 	<ul style="list-style-type: none"> -sebagai persediaan awal -sentiasa bersedia jika berlaku perkara di luar jangkaan -bercuti mengikut kemampuan
2.	<p>Memilih pakej pelancongan yang bersesuaian</p> <ul style="list-style-type: none"> -Memilih pakej pelancongan mengikut kemampuan -sentiasa melayari Internet untuk memilih pakej yang sesuai-sekiranya membawa keluarga, pilihlah pakej keluarga -dapatkan maklumat dari agensi pelancongan yang sah sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> -sesuai untuk keluarga yang besar dan anak yang ramai -Mendapatkan pelbagai maklumat boleh memilih pakej yang sesuai -untuk mengelakkan ditipu oleh agensi pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan yang murah
3.	<p>Menyediakan pelbagai persediaan sebelum melancong sama ada di dalam atau luar negara</p> <ul style="list-style-type: none"> -Membawa dokumen pengenalan diri (passport/kad pengenalan) -Membawa ubat-ubatan sebagai langkah berjaga-jaga-sebelum mendapatkan rawatan di klinik/hospital yangt berhampiran dengan tempat penginapan -Membawa wang belanja yang mencukupi 	<ul style="list-style-type: none"> -sebagai langkah berjaga-jaga demi keselamatan diri/keluarga -dapat menyelamatkan nyawa sekiranya membawa ubat-ubatan

BAHAGIAN A

[30 markah]

Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan kesilapan pengibaran Jalur Gemilang di kawasan tempat tinggal anda.

Sebagai seorang penduduk yang peka, tulis **sepucc surat** kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengadukan kesilapan pengibaran Jalur Gemilang di kawasan tempat tinggal anda ketika menyambut Hari Kebangsaan dan cadangkan tindakan yang perlu diambil.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.



Format : Surat kiriman rasmi

- Nama dan alamat pengirim surat rasmi
- Nama dan alamat penerima surat rasmi
- Tarikh
- Panggilan penerima surat
- Perenggan pengenalan surat
- Perenggan tujuan surat rasmi
- Perenggan huraian tujuan surat rasmi
- Perenggan harapan terhadap surat rasmi
- Tandatangan dan nama pengirim surat

BIL	KESILAPAN PENGIBARAN JALUR GEMILANG	CADANGAN TINDAKAN
1.	Lusuh, koyak	Pihak yang membuat bendera menyediakan bahan/material yang lebih berkualiti
2.	Terbalik	Pihak berkuasa tempatan menganjurkan kempen kesedaran kepada masyarakat tentang cara-cara pengibaran Jalur Gemilang yang betul menerusi edaran risalah dan iklan.

SET 1
BAHAGIAN A

[30 markah]

Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.
Anda dikehendaki membalas satu daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.
Panjang e-mel anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

e-mel 1

Daripada	Athirah5396@gmail.com
Kepada	Sufiyaharmin@yahoo.com
Perkara	Manfaat pendidikan maya

Apa khabar sahabatku? Semoga saudara sihat selalu.

Sejak negara kita menghadapi pandemik COVID-19, pendidikan maya menjadi salah satu alternatif dalam sistem pendidikan di sekolah dan juga di institusi pengajian tinggi supaya semua murid dan pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Banyak kelebihan pendidikan maya ini antaranya:

- i) Menyampaikan ilmu pengetahuan lebih cepat dan mudah
- ii) Boleh menjimatkan kos
- iii) Memanfaatkan penggunaan e-buku

Saya berharap saudara dapat membalas e-mel ini dengan menerangkan fakta-fakta di atas. Semoga kita bertemu lagi pada masa akan datang.
Sekian, terima kasih.
Sahabatmu,
Athirah

e-mel 2

Daripada	Yusofsaad@gmail.com
Kepada	Anasyassin@yahoo.com
Perkara	Persediaan menghadapi cabaran pendidikan maya

Saudari Anas,

Semoga saudara sihat sentiasa di samping keluarga tersayang.

Serangan Pandemik COVID-19 telah mengubah corak kehidupan manusia, merencatkan pertumbuhan ekonomi dan turut menjejaskan sistem pendidikan. Jika dahulu aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara konvensional namun kini sebaliknya apabila dunia pendidikan berada dalam alam maya. Pada pendapat saudara, apakah cabaran yang bakal dilalui oleh masyarakat dalam situasi pendidikan secara maya?. Oleh hal yang demikian, persediaan-persediaan perlu dilakukan dalam menghadapi cabaran tersebut. Saya berharap agar saudara dapat menjelaskan persoalan yang telah saya nyatakan di atas. Semoga kita bertemu lagi di lain lembaran.
Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Yusof Saad

CADANGAN JAWAPAN SET 1

e-mel 1

Daripada	Suffiyaharmin@yahoo.com
Kepada	Athirah5396@gmail.com
Perkara	Penerangan tentang manfaat pendidikan maya
<p>Assalamualaikum.. semoga sahabatku dalam keadaan sihat hendaknya.Saya di sini baik-baik sahaja.Terima kasih atas kiriman e-mel tempoh hari.Saya cuba untuk menerangkan manfaat pendidikan maya yang sedang kita aplikasikan ketika negara berhadapan dengan pandemik COVID-19.</p> <p>Pendidikan maya ialah sistem pembelajaran yang melepasi sempadan bilik kuliah atau sekolah.Pendidikan maya memaksimumkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang telah diperluas menerusi pembelajaran Sekolah Bestari,Universiti Terbuka,Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan yang terkini <i>Google Classroom</i>.</p> <p>Pendidikan maya sebagai wahana penyampaian ilmu pengetahuan dengan cepat dan mudah kepada murid.Hanya dengan menggunakan alat peranti komunikasi dan Internet,seseorang itu boleh menjelajah ilmu pengetahuan ke seluruh pelosok negara menerusi pendidikan maya.</p> <p>Seterusnya, pendidikan maya dapat menjimatkan pelbagai kos kehidupan seperti penginapan dan perbelanjaan pengangkutan kerana pendidikan maya boleh dilakukan di rumah.Sebagai contohnya,guru pakar dari sekolah berlainan boleh menggunakan kemudahan telesidang yang menggabungkan audio,video dan grafik tanpa melibatkan kos yang tinggi.</p> <p>Kelebihan pendidikan maya juga dapat memanfaatkan penggunaan e-buku, iaitu perisian buku dalam bentuk digital yang dibaca menerusi peranti elektronik seperti komputer dan telefon pintar.Walaupun e-buku perlu dibeli namun kini terdapat banyak e-buku yang boleh dibaca secara percuma di Internet.</p> <p>Sebagai kesimpulannya,pendidikan maya memberikan pelbagai kelebihan kepada murid dan seluruh lapisan masyarakat. Semua pihak perlulah bekerjasama bagi aur dengan tebing untuk memantapkan sistem pendidikan negara agar kita mampu duduk sama rendah,berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain.</p> <p>Sekian,terima kasih.</p> <p>Sahabatmu, Suffiyah</p>	

e-mel 2

Daripada	Anasyassin@gmail.com
Kepada	Yusofsaad@gmail.com
Perkara	Persediaan menghadapi cabaran pendidikan maya

Assalamualaikum.. semoga sahabatku dalam keadaan sihat hendaknya.Saya di sini baik-baik sahaja.Terima kasih atas kiriman e-mel tempoh hari.Saya cuba untuk menerangkan persediaan menghadapi cabaran pendidikan maya.

Isi 1: Cabaran yang dihadapi

- Krisis global akibat penularan wabak COVID-19 bukan sahaja menyebabkan pengajaran dan pembelajaran secara konvensional tertangguh,bahkan menjadikan tugas guru semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu yang memerlukan PdP dilaksanakan secara dalam talian.
- Wujud kekangan dalam pendidikan dalam talian seperti masalah capaian Internet,ketiadaan peranti digital pintar serta sikap murid sendiri yang tidak bersedia dengan situasi tersebut.

Isi 2: Persediaan

- Warga pendidik,khususnya guru kini perlu melengkap diri dengan penguasaan teknologi digital dan menguasai ilmu berkaitan e-pembelajaran untuk menyampaikan ilmu kepada murid.
- Dalam alaf baharu yang mengutamakan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat,tiada pilihan selain memanfaatkan teknologi dan aplikasi pendidikan atas talian yang memerlukan guru menguasai dan mempunyai literasi teknologi komunikasi dan maklumat (ICT)

Sekian,terima kasih.

Sahabatmu,
Anas Yassin

SET 2
BAHAGIAN A

[30 markah]

Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.

Anda dikehendaki membalas satu daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya. Panjang e-mel anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

e-mel 1

Daripada	irfandaniel@gmail.com
Kepada	Hadifhaiqal@gmail.com
Perkara	Jutawan Internet – Cara-cara menjana pendapatan sampingan
Salam sejahtera	
Saudara Hadif,	
Apa khabar saudara? Diharap saudara sihat sentiasa di samping keluarga tercinta. Rakyat negara kita sekarang kian pesat dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam menjalani kehidupan seharian. Internet menjadi medium utama dalam usaha menjana pendapatan bagi kebanyakan masyarakat antaranya menulis blog, menjual barangan, menawarkan perkhidmatan serta menjadi penggiat YouTube malah mereka mampu meraih keuntungan yang tinggi dikenali sebagai jutawan Internet. Saya begitu kagum akan usaha dan kebolehan individu seperti ini. Saya berharap saudara dapat menjelaskan cara-cara untuk menjana pendapatan berdasarkan strategi yang telah dinyatakan di atas.	
Sekian, terima kasih.	
Sahabatmu, Irfan Danial	

e-mel 2

Daripada	anissuraya@gmail.com
Kepada	AinaNuha@gmail.com
Perkara	Cara-cara memanfaatkan laman media sosial.
<p>Saudari Aina,</p> <p>Apa khabar saudari? Diharapkan saudari dalam keadaan baik-baik sahaja.</p> <p>Tujuan saya menghantar e-mel adalah untuk meminta pandangan saudara tentang cara-cara memanfaatkan laman media sosial. Kita sedia maklum dalam keadaan negara bergelut dengan pandemik COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan telah dilaksanakan sebagai usaha untuk menangani masalah ini. Namun, perkara yang menggusarkan saya ialah adik-beradik, sepupu serta segelintir rakan-rakan saya banyak menghabiskan masa dengan melayari Internet malah kelas dalam talian juga sering diabaikan. Oleh yang demikian, saya percaya bahawa terdapat pelbagai kebaikan laman media sosial jika individu khususnya remaja tersebut bijak memanaifikannya.</p> <p>Saya berharap saudari dapat memberi pandangan yang sewajarnya.</p> <p>Semoga kita bertemu lagi pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.</p> <p>Sahabatmu, Anis Suraya</p>	

CADANGAN JAWAPAN SET 2**e-mel 1**

Daripada	hadifhaikal@gmail.com
Kepada	irfandaniel@gmail.com
Perkara	Jutawan internet: Cara-cara menjana pendapatan
<p>Assalamualaikum. Semoga sahabatku dalam keadaan sihat hendaknya. Saya di sini baik-baik sahaja. Terima kasih atas kiriman e-mel tempoh hari. Saya cuba untuk menerangkan cara-cara untuk melahirkan jutawan Internet.</p> <p>Teknologi maklumat dan komunikasi merupakan medium penting dalam menjalani kehidupan seharian pada masa ini. Kemahiran ini memberi pelbagai manfaat kepada penggunaannya malah mampu menjana pendapatan yang lumayan. Pelbagai strategi boleh dirancang untuk memperoleh cita-cita dan impian setiap individu yang bijak mengaplikasikan perniagaan atas talian.</p> <p>Menulis blog salah satu strategi berkesan untuk menjana pendapatan. Penulisan blog dapat menghasilkan pendapatan lumayan dengan cara memasukkan pautan iklan ke dalam blog. Melalui pautan ini, komisen akan diperolehi setiap kali pengunjung blog mengklik pautan berkenaan. Blog yang mempunyai kadar lawatan yang tinggi akan mendapat komisen yang lumayan.</p> <p>Selain itu, strategi menjana pendapatan melalui penjualan barangan secara dalam talian. Anda boleh menjadi agen jualan atau stokis tanpa modal bagi produk baharu. Caranya dengan membangunkan satu portal dalam talian sendiri, menggunakan perkhidmatan laman sesawang tertentu atau menggunakan laman sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram bagi memasarkan produk itu. Di samping itu juga, barangan terpakai yang tidak digunakan lagi</p>	

boleh dijual dalam talian. Caranya dengan hanya memuat naik gambar dan memberikan keterangan ringkas dalam laman sesawang atau aplikasi yang digunakan.

Seterusnya, bakat dan kebolehan anda dalam pelbagai bidang boleh diiklankan kepada pelanggan melalui medium ini. Anda akan dapat menjanakan pendapatan sama ada perkhidmatan itu ditawarkan secara sambilan atau separuh masa.

Akhirnya, YouTube terbukti telah melahirkan jutawan dari seluruh dunia dengan meraih sebanyak mungkin pelanggan melalui penghasilan video bermutu tinggi secara konsisten. Pelanggan ibarat jantung kepada penggiat youtube. Pendapatan yang dijanakan bergantung sepenuhnya kepada bilangan penonton.

Sebagai kesimpulannya, teknologi maklumat dan komunikasi memberikan pelbagai manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat. Setiap individu perlu merebut peluang memajukan diri malah mampu meraih pendapatan yang lumayan hingga bergelar jutawan Internet. Kejayaan ini pastinya memberikan seribu satu makna kepada kehidupan yang cerah. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

*Tulis 2/3 isi daripada 4 perenggan isi yang dikongsikan.

e-mel 2

Daripada	AinaNuha@gmail.com
Kepada	anissuraya@gmail.com
Perkara	Cara-cara memanfaatkan laman media sosial
Assalamualaikum. Semoga sahabatku dalam keadaan sihat hendaknya.Saya di sini baik-baik sahaja.Terima kasih atas kiriman e-mel tempoh hari.Saya akan menerangkan cara-cara memanfaatkan laman media sosial.	
Isi 1: Remaja boleh berhubung dan berkomunikasi dengan pantas dan mudah <ul style="list-style-type: none">- Media sosial disediakan dalam platform Internet-kelajuan Internet sudah semakin lancar dan tinggi- Menghantar mesej,gambar,video kepada rakan-rakan maya-berkongsi pendapat dengan rakan media sosial	<ul style="list-style-type: none">- Trend baru membina persahabatan maya – amat popular-persahabatan tidak mengira faktor usia dan geografi- Hubungan yang erat terjalin-saling memahami dan bertolak ansur-menjadi sahabat maya
Isi 2: Remaja dapat berkongsi ilmu dan maklumat yang penting dalam pelajaran melalui laman-laman media sosial terkini <ul style="list-style-type: none">- Laman media sosial kerap dilayari oleh remaja-maklumat penting dalam pelajaran mudah diakses oleh remaja- Maklumat peperiksaan-ilmu pengetahuan tentang Sains dan Matematik-perkongsi nota Sejarah dan Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none">- Murid mendapat manfaat ilmu-maklumat ini dapat dimuat turun dan disimpan dalam telefon-membuat rujukan.- Murid yang mahir menggunakan media sosial akan bijak menghargainya- hanya jauhari yang mengenal manikam
Isi 3 : Remaja boleh memanfaatkan laman media sosial untuk mencari bahan bacaan yang berkualiti <ul style="list-style-type: none">- Banyak bahan bacaan berkualiti disajikan secara percuma dalam media sosial-memupuk amalan membaca buku- Melayari laman media e-buku-memuat turun buku cerita dan novel untuk sajian minda anak-anak muda	<ul style="list-style-type: none">- Melahirkan generasi muda yang suka membaca buku yang berkualiti-membina generasi berminda kelas pertama- Remaja harus sedar bahawa bangsa membaca bangsa berjaya
Sekian,terima kasih.	
Sahabatmu, Aina Nuha	

(KARANGAN RESPONS TERHAD)

BAHAGIAN A

[30 markah]

Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan kerja kosong.

Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan **resume diri anda yang lengkap bagi permohonan satu pekerjaan yang anda minati.**

Panjangnya resume anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kerajaan Persekutuan Malaysia
Perkhidmatan Awam Uttrak Sempu

JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Ada 615 senarai yang menyenaraikan setiap jawatan kosong kepada menggunakan, memohon, kelulusan SPMS, SPMS, SPMS dan SPMS serta senarai untuk memohon jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam dalam pelbagai kedudukan/kerja. Anda boleh berminat terhadap Jawatan, Program Pembangunan Masyarakat, Program Pendidikan, Program Pengangkutan, Program Air, Program Pengangkutan, Program Perumahan, Program Sukan & Rekreasi, Program Pengangkutan, Program Air, Program Pengangkutan, Program Perumahan, Program Sukan & Rekreasi, Program Pengangkutan, Program Air, Program Pengangkutan, Program Perumahan, Program Sukan & Rekreasi.

KLASIFIKASI

<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan & Kewahsaaan • Segura Persekitaran • Penyelenggaraan & Pembaikan • Tawar & Rekreasi • Pendidikan & Sukan • Pengangkutan • Air • Program Masyarakat • Pengangkutan & Pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan & Pembangunan Awam • Penyelenggaraan & Pembaikan • Sukan & Rekreasi • Penyelenggaraan Maritim • Perumahan • Pengangkutan • Air • Pendidikan • Pengangkutan & Pembangunan
--	---

JUMLAH PENDAPATAN BULANAN

Tempat kedudukan dalam Bilangan	Jumlah Bilangan	Tempat kedudukan dalam Bilangan	Jumlah Bilangan
1. JAWATAN PERKHIDMATAN AWAM UTTRAK SEMPU	615	1. JAWATAN PERKHIDMATAN AWAM UTTRAK SEMPU	615
2. JAWATAN PERKHIDMATAN AWAM UTTRAK SEMPU	615	2. JAWATAN PERKHIDMATAN AWAM UTTRAK SEMPU	615
3. JAWATAN PERKHIDMATAN AWAM UTTRAK SEMPU	615	3. JAWATAN PERKHIDMATAN AWAM UTTRAK SEMPU	615
4. JAWATAN PERKHIDMATAN AWAM UTTRAK SEMPU	615	4. JAWATAN PERKHIDMATAN AWAM UTTRAK SEMPU	615

KEWAJIBAN LAJAN

- Program Perumahan
- Pendidikan
- Penyelenggaraan & Pembaikan
- Tawar & Rekreasi
- Pendidikan & Sukan
- Pengangkutan
- Air
- Program Masyarakat
- Pengangkutan & Pembangunan

Maklumat lanjut berkenaan permohonan, jawatan, syarat-syarat, prosedur permohonan lengkap dan sebagainya boleh di dapati dengan menghubungi Pejabat Perkhidmatan Awam Uttrak Sempu, 43400 UPM Serdang, Tel. : 03-87-660000. MMS 1201-01-888-428265/885 3342

Untuk pengetahuan yang dipaparkan adalah maklumat kepada permohonan jawatan yang dipaparkan Kementerian/Kementerian, tanpa cela dan yang tidak mengandungi biasiswa atau disangka oleh siapa.

Rina Suzana

NO 88, PESIRAN PERMATA,
TAMAN PERMATA, 5300,
KUALA LUMPUR.

JAWATAN KOSONG

Eksekutif Khidmat Pelanggan
 Mempunyai Sijil/Diploma/Jazah
 Sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman
 Mempunyai skill komunikasi yang baik
 Waktu kerja yang fleksible
 Boleh bekerja lebih masa
 EPF & SOCSO disediakan

Pereka Fesyen
 Mempunyai Sijil/Diploma/Jazah
 Sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman
 Mempunyai kemahiran rekaan & jahitan
 Waktu kerja yang fleksible
 Boleh bekerja lebih masa
 EPF & SOCSO disediakan

Pembantu Butik
 Mempunyai Sijil
 Mempunyai kemahiran rekaan & jahitan
 Waktu kerja yang fleksible
 Boleh bekerja lebih masa
 EPF & SOCSO disediakan

email permohonan ke: manager@rinasuzana.com
 tel : 03-4171980

IKLAN JAWATAN KOSONG

SYARAT

Tempat	1	Serdang
Tarif Jawatan	1	Pegawai Eksekutif (Gred PE3) / Kintan
Tempat	1	PEKODD
Jumlah Bahagian	1	1

SYARAT LAIN-LAIN:
 Calon bagi bilangan PE3 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 1) Warganegara Malaysia
- 2) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan
- 3) Mempunyai kelayakan Diploma
- 4) Mempunyai pengalaman antara 1 - 3 tahun

SHOP DAN BIDANG TUGAS :

- 1) Membantu menguruskan kerjasama antara Kastaratan Hijau melalui perkhidmatan khusus yang disediakan. (i.e. Kemuncian, Beringit, TIE, Impak, Beringit dan Sustainable Development Goals)
- 2) Membantu menguruskan dalam sumber-sumber dan endorsemn labung Kastaratan Hijau
- 3) Membantu menguruskan perkhidmatan khusus Kastaratan Hijau Kastaratan Hijau Luma
- 4) Membantu menguruskan laman sesawang Kampus Hijau & SOG

CARA MEMOHON:
 Pemohon hendaklah dituntut dengan mengemukakan Borang Permohonan Jawatan Kosong dan mengisi borang permohonan (MMS 022) yang akan dengan bersama-sama dengan surat pengemaman, surat beranak, resume dan sijil/dokumen dan transkrip berkaitan yang telah ditubuhkan kepada:

Pengarah
 Pejabat Strategik Korporat dan Komunikasi (CoS/Comm)
 Area 3, Bangunan Cereskoff Putra
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Tel. : 03-87-660000

ATAU

Emelkan ke alamat: kb_cocomm@upm.edu.my

PERHATIAN:

- 1) Pemohon yang tidak lengkap diisi, lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon akan menyebabkan permohonan tidak diterima
- 2) hanya calon-calon yang dipilih dalam pengantaran dan transkrip berkaitan akan dipanggil menghadiri temuduga
- 3) pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) minggu dari masa terbit iklan akan dianggap tidak layak untuk dipanggil menghadiri temuduga

Masih untuk makluman: 30 Jun 2020 (Selasa)

Contoh Resume

Nur Aina Safura binti Halim
No. 2, Jalan Bunga Teratai
Taman Saujana Impian
84009 Tangkak, Johor.

KERJAYA YANG DIPOHON

Pegawai Teknologi Maklumat

OBJEKTIF DAN MATLAMAT KERJAYA

Membina kerjaya dalam bidang teknologi maklumat dan menjadi penyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara dalam bidang IT.

MAKLUMAT PERIBADI

Nama Penuh : Nur Aina Safura binti Halim
Umur : 26 tahun
Tarikh lahir : 30 Jun 1995
Bangsa : Melayu
No. Kad Pengenalan : 95xxdd-aa-ssss
Warganegara : Malaysia

MAKLUMAT PENDIDIKAN

Institusi : Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Bidang Pengajian: Ijazah Sarjana Muda, Teknologi Maklumat
Kelulusan: Kelas Pertama(Kepujian)
Tamat: Julai 2019
Institusi: Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Bidang Pengajian: Matrikulasi
Kelulusan: Lulus dengan cemerlang
Tamat: Julai 2014
Institusi: Sekolah Datuk Abdul Razak
Bidang Pengajian: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
Kelulusan: 10A

PENGLIBATAN KOKURIKULUM

- Naib Pengerusi Kelab Komputer, Universiti Malaya, 2017
- Pengerusi Kelab Komputer sekolah, 2012
- Setiausaha Badan Pengawas Sekolah, 2012
- Mewakili sekolah dalam Pertandingan Forum Remaja, 2009
- Mewakili daerah dalam Pertandingan Mendeklamasi Sajak, 2011

ANUGERAH YANG DITERIMA:

- Anugerah Dekan, 2019
- Pelajar Terbaik Matrikulasi, 2014
- Pengerusi Forum Terbaik, 2009
- Johan Pertandingan Deklamasi Sajak Peringkat Negeri

KEMAHIRAN

- Mahir bertutur dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin.
- Kemahiran menggunakan aplikasi komputer termasuk MS Office (MS Word, Excel dan Power Point)
- Tahap penulisan (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin) yang baik.

PENGALAMAN

- Pernah menjadi guru tuisyen IT selama 3 bulan di Pusat Tuisyen IT.
- Bekerja di kedai komputer selama 3 bulan ketika menunggu keputusan SPM.

(155 patah perkataan)

(KARANGAN RESPONS TERBUKA)

BAHAGIAN B

[70 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

DOMAIN AWAM

Perpaduan dalam kalangan masyarakat boleh dieratkan menerusi semangat kejiranan. Sudah sekian lama kerajaan menyeru agar semangat kejiranan diperkukuh terutama di kawasan bandar dengan pelbagai kaedah. Sudah sampai masanya ketua-ketua penduduk di sesuatu kawasan memainkan peranan yang lebih efisien agar matlamat ini tercapai.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Kukuhkan Perpaduan Melalui Semangat Kejiranan',
Berita Harian, 22 Januari 2016)

Anda mendapati sikap mementingkan diri sendiri dan tidak menghiraukan jiran tetangga menjadi masalah besar dalam kalangan penduduk di kawasan kejiranan anda. Oleh itu, anda merasakan hubungan kejiranan di kawasan tersebut mesti ditingkatkan supaya menjadi lebih baik.

Cadangkan langkah-langkah untuk menangani masalah kejiranan di kawasan anda itu.

Rangka karangan

Pendahuluan

seikat bak sirih, serumpun bak serai - dikaitkan dengan institusi kejiranan - melihat hubungan kejiranan yang tidak begitu baik - cubit paha kiri, paha kanan terasa juga - jiran bagaikan saudara terdekat - kita tidak mahu hidup dengan mementingkan diri sendiri dan bersikap individualistik - sikap sebegini akan mewujudkan suasana suram - tidak harmoni dalam kalangan jiran - beberapa usaha perlu diadakan untuk menyuburkan semangat kejiranan.

Isi 1

mengadakan perjumpaan penduduk – perjumpaan atau mesyuarat ini akan memberikan manfaat - pelbagai isu berkaitan dengan penempatan - masalah kebersihan, keselamatan dan sebagainya - penduduk boleh mengukuhkan hubungan sesama jiran dan lebih mengenali jiran - perjumpaan penduduk akan dapat memberi manfaat kepada semua - jiran bertegur sapa antara satu sama lain - tidak dianggap seperti kera sumbang.

Isi 2

menjalankan aktiviti kemasyarakatan - penduduk di kawasan kejiranan - menjalankan pelbagai aktiviti secara berkumpulan seperti gotong-royong - membersihkan kawasan taman permainan, surau dan padang - penduduk akan berkumpul dan bekerjasama di samping dapat mengenali jiran dengan lebih dekat - aur dengan tebing.

Isi 3

mengadakan aktiviti sukaneka dan hari keluarga - aktiviti ini dapat disertai oleh semua penduduk tanpa mengira umur, jantina, bangsa dan agama - dapat mencungkil bakat dan berkenalan antara satu sama lain dengan lebih dekat - aktiviti ini akan dapat menyatupadukan jiran tidak kira apa kaum sekalipun - tak kenal maka tak cinta.

Isi 4

mengadakan ceramah - mengundang penceramah daripada jabatan-jabatan tertentu - penceramah akan dapat menjelaskan kepentingan hubungan kejiranan - menangani masalah keselamatan penduduk - setiap hari ada sahaja terpampang di dada-dada akhbar mengenai kes kematian kanak-kanak - sikap mementingkan diri jiran di sekeliling - program berbentuk ceramah ini akan dapat membanteras jenayah di kawasan kejiranan.

Penutup

semua pihak haruslah berlapang dada dan membuka mata - melihat isu yang berlaku kini - dijadikan sebagai pengajaran demi kebaikan bersama - jiran amat memainkan peranan yang penting dalam menentukan kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara - impian mempunyai jiran yang baik tidak akan terlaksana - kita sendiri tidak mahu melakukan perubahan dan bersikap kebersamaan - jiran sepakat membawa berkat.

Contoh Karangan

Peribahasa, seikat bak sirih, serumpun bak serai amat sinonim jika dikaitkan dengan institusi kejiiran. Apabila melihat hubungan kejiiran yang tidak begitu baik seolah-olah cubit paha kiri, paha kanan terasa juga kerana jiran bagaikan saudara terdekat. Dalam hidup berjiran, kita tidak mahu hidup dengan mementingkan diri sendiri dan bersikap individualistik kerana sikap sebegini akan mewujudkan suasana suram dan tidak harmoni dalam kalangan jiran. Oleh itu, beberapa usaha perlu diadakan untuk menyuburkan semangat kejiiran.

Antara langkah untuk menangani masalah kejiiran di kawasan saya ialah ketua dan ahli jawatankuasa di kawasan kediaman boleh mengadakan perjumpaan penduduk. Hal ini dikatakan demikian kerana perjumpaan atau mesyuarat ini akan memberikan manfaat apabila pelbagai isu berkaitan dengan penempatan termasuklah masalah kebersihan, keselamatan dan sebagainya akan dapat dibincangkan bersama. Melalui perjumpaan ini, penduduk boleh mengukuhkan hubungan sesama jiran dan lebih mengenali jiran. Jelaslah bahawa, perjumpaan penduduk akan dapat memberi manfaat kepada semua apabila jiran bertegur sapa antara satu sama lain dan tidak dianggap seperti kera sumbang.

Selain itu, langkah lain untuk menangani masalah ini ialah penduduk sebulat suara menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Hal ini jelas apabila penduduk di kawasan kejiiran saya menjalankan pelbagai aktiviti secara berkumpulan seperti gotong-royong, membersihkan kawasan taman permainan, surau dan padang. Kesannya, penduduk akan berkumpul dan bekerjasama di samping dapat mengenali jiran dengan lebih dekat ibarat aur dengan tebing.

Seterusnya, ketua penduduk di kawasan kejiiran boleh mengadakan aktiviti sukaneka dan hari keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana, aktiviti ini dapat disertai oleh semua penduduk tanpa mengira umur, jantina, bangsa dan agama. Selain itu, aktiviti ini juga akan dapat mencungkil bakat dan berkenalan antara satu sama lain dengan lebih dekat. Jelaslah bahawa, aktiviti ini akan dapat menyatupadukan jiran tidak kira apa kaum sekalipun kerana tak kenal maka tak cinta.

Akhir sekali, ketua penduduk boleh mengadakan program ceramah dengan mengundang penceramah daripada jabatan-jabatan tertentu. Hal ini jelas apabila penceramah akan dapat menjelaskan kepentingan hubungan kejiiran untuk menangani masalah keselamatan penduduk. Contohnya, setiap hari ada sahaja terpampang di dada-dada akhbar mengenai kes kematian kanak-kanak kerana sikap mementingkan diri jiran di sekeliling. Oleh itu, program berbentuk ceramah ini akan dapat membanteras jenayah di kawasan kejiiran.

Kesimpulannya, semua pihak haruslah berlapang dada dan membuka mata untuk melihat isu yang berlaku kini agar dapat dijadikan sebagai pengajaran demi kebaikan bersama. Oleh itu, jelaslah jiran amat memainkan peranan yang penting dalam menentukan kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara. Impian mempunyai jiran yang baik tidak akan terlaksana sekiranya kita sendiri tidak mahu melakukan perubahan dan bersikap kebersamaan kerana jiran sepatutnya membawa berkat.

(409 patah perkataan)

BAHAGIAN B

[70 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

DOMAIN AWAM

“Dalam era Revolusi Industri 4.0 , kita tidak perlu membuang masa dan tenaga untuk berbalah mengenai perkara asas yang telah disetujui. Rakyat Malaysia yang berbilang bangsa haruslah saling menghormati agama, budaya dan adat resam masing-masing berteraskan Sejarah, Perlembagaan dan Rukun Negara. Kita perlu sama-sam berfikir dan bertindak untuk terus memajukan negara daripada pelbagai aspek ekonomi,teknologi,pendidikan dan budaya, tanpa meminggirkan kesejahteraan rakyat dan alam sekitar.

(Sumber: Ucapan Tan Sri Profesor Datuk Wira Dr.Abdul Latif Abu Bakar,
Pengerusi Majlis Pensaihat Adat dan Warisan Peradaban Melayu (LBM))

Ucapan di atas menunjukkan bahawa asa pembentukan Malaysia terletak pada keharmonian masyarakat berbilang kaum. Jelaskan usaha-usaha “mengekalakan perpaduan kaum di negara ini.

CADANGAN JAWAPAN:

Domain Awam

Pendahuluan -

- Keunikan negara ini yang terdiri daripada pelbagai etnik dan bangsa
- Simbol kebanggaan negara.

Isi 1

- Penganjuran majlis rumah terbuka
Dapat memahami budaya kaum lain dengan lebih mendalam.

Isi 2

- Aktiviti gotong- royong
Saluran untuk masyarakat bertemu dan berkenalan

Isi 3

- Aktiviti hari keluarga
Menanam rasa kesepunyaan dan kekeluargaan

Isi 4

- Sambutan Hari Kebangsaan

Melahirkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat

Penutup

Semua lapisan masyarakat perlu menyahut seruan perpaduan untuk kehormatan dan kemakmuran negara.

BAHAGIAN B

[70 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

DOMAIN PERIBADI

Memang tidak dapat dinafikan, dengan adanya kemewahan serta pengaruh teknologi moden pada masa kini, masyarakat tidak perlu lagi bersusah payah. Tambahan pula, beban kerja yang banyak, masa yang terhad menyebabkan seseorang itu kurang beriadah. Akibatnya, masalah obesiti kini bukan sahaja menjadi masalah kepada golongan dewasa, malahan kepada golongan kanak-kanak. Orang yang obes akan mudah menghidap serangan jantung enam kali lebih tinggi berbanding orang yang kurus. Masalah kencing manis juga amat berkait rapat dengan obesiti. Sekiranya tidak dirawat dengan segera, penyakit ini akan menyebabkan kerosakan buah pinggang, mata boleh menjadi buta dan kudung kedua-dua belah kaki. Menurut pakar, pesakit obesiti dapat mengurangkan berat badan dengan melakukan aktiviti senaman, menukar menu makanan dan memperbaiki tingkah laku terhadap makanan. Justeru, saya menyeru anda semua supaya menjaga kesihatan anda sebaik mungkin dari sekarang. Kata pepatah, 'mencegah lebih baik dari merawat'.

Sumber: *Ucapan Dr. Maiza Binti Tusimin, Ketua Jabatan Obstetrik & Ginekologi, 2018*

Petikan di atas menyatakan maklumat tentang masalah obesiti.

Sahabat pena anda bimbang akan masalah obesiti yang dialaminya. Sebagai sahabat yang prihatin dan peka berkenaan isu ini, cadangkan kepada sahabat pena anda tentang langkah-langkah menangani masalah obesiti.

Tulis surat anda selengkapnya.

Rangka Jawapan

Pendahuluan

bertanyakan khabar – menyatakan kesediaan memberikan cadangan untuk mengatasimalahan obesiti

Isi 1

melakukan senaman secara konsisten – sekurang-kurangnya 30 minit pada setiap hari

– proses perpeluhan dapat berjalan dengan lancar dan sisa toksik dapat dikeluarkan – jadikan sebagai rutin hidup

Isi 2

menjaga pemakanan – rujuk piramid makanan – membantu kita memilih makanan yang berkhasiat untuk setiap hidangan – memudahkan proses penghadaman dan perkumuhan

Isi 3

mempunyai motivasi diri yang tinggi untuk mengurangkan berat badan – usah hiraukan pendapat atau pandangan sinis orang lain – cari rakan-rakan yang boleh memotivasikan diri

Isi 4

meminta nasihat daripada doktor – dapat memastikan diet lebih teratur dan tidak memudaratkan kesihatan – elakkan diet yang keterlaluan sehingga mengabaikan pemakanan

Penutup

harapan agar tidak berasa malu akan kekurangan diri sebaliknya berusaha untuk mengatasi masalah ini

Contoh Karangan

81, Jalan 16/12, Taman Seri Angkasa,
59200 Pantai Dalam,
Kuala Lumpur.

12 Januari 2021

Menemui rakanku, Jenifer di Samarahan, Sarawak. Selamat sejahtera kepada saudara sekeluarga.

Saudari Jenifer,

Apa khabar sekarang? Saya berharap agar saudara dalam keadaan sihat sentiasa. Harapan saya agar saudara tabah menghadapi masalah obesiti yang saudara hadapi ketika ini. Saya akan mencuba membantu saudara dengan memberikan beberapa cadangan untuk menurunkan berat badan saudara. Untuk pengetahuan saudara, dahulunya juga mengalami masalah obesiti tetapi dengan mengamalkan cadangan yang akansaya berikan ini, alhamdulillah hasilnya sungguh memberangsangkan. Dahulu berat badan saya 78 kilogram dan kini telah turun sebanyak 20 kilogram.

Tip yang pertama adalah dengan melakukan senaman secara konsisten. Senaman boleh dilakukan di luar rumah atau di dalam rumah. Yang penting saudara perlu melakukan senaman sekurang-kurangnya 30 minit pada setiap hari. Contoh senaman yang boleh dilakukan oleh saudara ialah senamrobik, jogging, menunggang basikal, berenang atau tekan tubi. Hal ini penting agar proses perpeluhan dapat berjalan dengan lancar dan sisa toksik dapat dikeluarkan. Tetapi perlu diingat janganlah melakukan senaman seperti peribahasa *hangat-hangat tahi ayam* kerana kolestrol di dalam badan tidak dapat dikurangkan dalam masa satu atau dua minggu. Jadikanlah senaman ini sebagai rutin hidup kerana senaman penting dalam penjagaan kesihatan dan organ-organ dalam tubuh.

Seterusnya ialah penjagaan pemakanan. Makanlah makanan yang mengandungi garam, kolestrol dan gula yang rendah. Rujuklah piramid makanan yang terdiri daripada empat kumpulan makanan dan perhatikan pilihan makanan yang mana perlu dimakan dengan banyak. Selain itu, rujuklah pada piramid makanan dapat membantu kita memilih makanan yang berkhasiat untuk setiap hidangan. Saya juga menyarangkansaudari agar banyak makan sayur-sayuran dan buah-buahan untuk memudahkan proses penghadaman dan perkumuhan. Ambillah gizi makanan yang seimbang dan janganlah makan mengikut nafsu.

Selain itu, saudara perlu mempunyai motivasi diri yang tinggi untuk mengurangkan berat badan. Jangan hiraukan pendapat atau pandangan sinis orang lain. Saudari perlu yakin bahawa saudara akan berjaya mengurangkan berat badan seperti yang saudara kehendaki bak kata pepatah *hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih*. Jika pada peringkat permulaan, saudara berasakan bahawa usaha saudara kurang berhasil, janganlah saudara cepat melatah. Saudari perlu meneruskan usaha saudara sehingga berjaya. Carilah rakan-rakan yang boleh memotivasikan saudara atau yang sama-sama berusaha untuk mengatasi masalah berat badan seperti saudara.

Akhirnya dalam proses mengurangkan masalah obesiti ini, janganlah saudara lupa untuk

meminta nasihat daripada doktor. Hal ini demikian kerana doktor yang bertauliah akan memastikan diet saudara lebih teratur dan tidak memudaratkan kesihatan. Janganlah saudara mempercayai seratus-peratus iklan-iklan tentang produk pelangsingan badan yang seperti cendawan tumbuh selepas hujan melalui media massa. Diet yang keterlaluan sehingga mengabaikan pemakanan akan menyebabkan saudara menghadapi penyakit gastrik. Justeru, pandangan daripada doktor sangat penting sebelum mengamalkan diet.

Setakat ini sahaja isi surat saya pada kali ini. Saya berharap agar saudara tidak berasa malu akan kekurangan diri sebaliknya berusaha untuk mengatasi masalah ini. Saya juga berharap agar saudara mendapat sedikit sebanyak info daripada cadangan yang saya beri. Terimalah salam daripada saya sekeluarga untuk saudara sekeluarga sana.

Sekian, terima kasih.

Yang mengingatiimu,

Soleha

(468 patah perkataan)

BAHAGIAN B

[70 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

DOMAIN PERIBADI

Masa bersama-sama dengan keluarga antara saat paling sesuai untuk dimanfaatkan dengan melakukan aktiviti fizikal bertujuan mengekalkan kecergasan. Mulakan langkah pertama dengan hanya berjalan kaki sebagai sebahagian pengisian yang lebih menyihatkan ketika menghabiskan masa berharga bersama-sama mereka. Walaupun aktiviti ini nampak mudah, namun tidak ramai yang sedar, aktiviti sedemikian juga mampu memupuk amalan gaya hidup lebih sihat.

Sumber: *Berita Harian Online*, 25 September 2020

Sebagai respons terhadap isi kandungan akhbar di atas, amalan gaya hidup sihat wajar dijadikan budaya hidup.

Jelaskan peranan anda untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan,

SKEMA DOMAIN PERIBADI

Bil		Amalan gaya hidup sihat	Kesan
1		<ul style="list-style-type: none">- Melakukan aktiviti fizikal dan riadah Contoh: bersenam sekurang-kurangnya 20 minit setiap sesi <ul style="list-style-type: none">: berjoging, berbasikal, bermain badminton, bola sepak, mendaki,	<ul style="list-style-type: none">- Mengekalkan kecergasan- Mencerdaskan minda- Mengurangkan stress- Mengeratkan silaturahim
2		<ul style="list-style-type: none">- Pengambilan makanan seimbang	<ul style="list-style-type: none">- Menjamin tumbesaran yang sihat- Daya tahan tinggi daripada penyakit- Mengelakkan penyakit kardiovaskular- Meningkatkan tahap kesihatan
3		Isi 3 <ul style="list-style-type: none">- Pemeriksaan kesihatan secara berkala	<ul style="list-style-type: none">- Mengesan sesuatu penyakit dari awal- Prihatin akan kesihatan diri- Menghindari masalah kesihatan

BAHAGIAN B

[70 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

DOMAIN PENDIDIKAN

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Pendidikan Sivik, KPM telah menetapkan Pendidikan Sivik dilaksanakan selama satu jam pada minggu keempat setiap bulan dalam waktu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah. KPM cuba mengelakkan berlakunya pertambahan waktu yang kemudiannya menjadi beban kepada para guru dan murid.

Anak-anak di prasekolah pula akan diajarkan pendidikan sivik selama 30 minit. Dalam masa yang sama, Pendidikan Sivik turut dilaksanakan dalam perhimpunan dan aktiviti kokurikulum.

Sumber: Internet

Berdasarkan pernyataan di atas, anda selaku Sidang Redaksi Majalah Sekolah diminta menyediakan rencana yang bertajuk, "Kebaikan Pendidikan Sivik Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kepada Murid".

Tuliskan rencana itu selengkapnya.

CADANGAN JAWAPAN:

Karangan berbentuk format :

Format rencana :

Tajuk rencana : - 1 markah

Nama penulis : - 1 markah

Tajuk : Kebaikan Pendidikan Sivik Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kepada Murid

1. Seseorang murid dapat mengetahui hak, bertanggungjawab dan berakhlak mulia bagi menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan global.
2. Murid-murid akan belajar integriti, amanah, rajin bekerja, berdisiplin, membenci rasuah dan salah guna kuasa, bahayanya buli, pentingnya menghargai golongan OKU, pentingnya saling menghormati perbezaan satu sama lain, dan pentingnya memelihara perpaduan di negara ini.
3. Murid-murid belajar mencintai tanah air sekali gus berfungsi sebagai seorang warganegara yang baik.

BAHAGIAN B

[70 markah]

DOMAIN PENDIDIKAN

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

Program *Let's Recycle* bertujuan memberi pendedahan mengenai Pendidikan alam sekitar pada peringkat awal, iaitu seawal sekolah rendah hingga ke peringkat menengah. Program ini sekali gus mendatangkan impak positif bukan hanya di sekolah, sebaliknya ke peringkat daerah, negeri mahupun negara. Usaha ini turut dilihat amat penting bagi mewujudkan sekolah sebagai institusi yang ceria, bersih dan kondusif sekali gus memberi suasana persekitaran yang selesa kepada warga sekolah.

(Sumber: *Berita Harian Online*, 19 September 2018)

Petikan di atas menunjukkan pihak sekolah memikul obligasi untuk memberikan kesedaran dan menggalakkan para murid mengamalkan kitar semula.

Huraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat.

CADANGAN JAWAPAN:

Pendahuluan

- Isu kitar semula menjadi perbualan masyarakat.
- Masalah kawasan pelupusan sampah yang semakin sukar untuk menampung bahan buangan domestik perlu ditangani dengan amalan kitar semula.
- Masyarakat perlu disedarkan tentang pelbagai kebaikan yang akan diperoleh daripada aktiviti kitar semula.
- Pelbagai usaha menggalakkan amalan kitar semula.

Cadangan Isi

Isi 1

Pihak sekolah mengadakan kempen kesedaran kitar semula diperingkat sekolah

- Perlu dipupuk dari awal – bermula dari sekolah.
- Kempen kesedaran – ceramah dan pameran berkaitan amalan kitar semula.
- Mewujudkan sekolah sebagai institusi yang ceria, bersih dan kondusif.

Isi 2

Galakan amalan kitar semula oleh pihak kerajaan

- Kempen kitar semula menggalakkan pengguna mengitar semula bahan yang boleh dikitar semula.
- Meningkatkan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran yang lebih efektif dalam kalangan masyarakat – melestarikan alam sekitar

Isi 3

Pendidikan amalan kitar semula oleh ibu bapa

- Memberi didikan kemaslahatan amalan kitar semula sejak anak kecil.
- Mengumpulkan barang yang boleh dikitar semula mengikut kategori
- Dilatih dengan mekanisme yang betul untuk melupuskan sampah sarap.

Isi 4

Pertandingan atau projek kitar semula

- Sebagai galakan kepada masyarakat untuk sentiasa menjadikan kitar semula sebagai satu amalan dalam kehidupan,
- Pertandingan menghasilkan produk menggunakan bahan kitar semula
- Ganjaran yang lumayan disediakan sebagai motivasi kepada masyarakat yang berjaya mengamalkan amalan kitar semula

Penutup

- Pelbagai pihak perlu mengamalkan kitar semula
- Kempen kitar semula perlu diteruskan – lebih ramai rakyat tampil untuk menyahu seruan kerajaan.

Melahirkan masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama.

BAHAGIAN B

[70 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

DOMAIN PENDIDIKAN

Pendidikan Khas adalah perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk individu berkeperluan khas golongan pintar cerdas.

Kementerian Pendidikan Malaysia menurut Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 1997 Bahagian II 3(2) menyediakan pendidikan khas dan kemudahan untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran, manakala pendidikan khas integriti pula adalah untuk murid yang bermasalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran, atau kurang upaya, yang terdiri daripada mereka yang mengalami kecacatan mental, bermasalah pembelajaran, gangguan emosi dan tingkah laku, gangguan komunikasi (pertuturan dan bahasa), hilang pendengaran, hilang penglihatan atau darjah penglihatan yang rendah, kecacatan fizikal dan pendengaran.

Sumber : *Kepelbagaian pelajar dan Perbezaan Pengajaran*,

Blog Fatin Nazreen Manaf

Petikan di atas menunjukkan bahawa golongan berkeperluan khas perlu dibantu agar mereka mendapat pendidikan setanding dengan murid normal. Golongan ini banyak memberi sumbangan kepada negara.

Nyatakan sumbangan-sumbangan golongan berkeperluan khas kepada negara.

CADANGAN JAWAPAN:

Pendahuluan:

Pandangan masyarakat terhadap golongan berkeperluan khas perlu diubah. Mereka juga memberi sumbangan kepada negara.

Sumbangan-sumbangan golongan berkeperluan khas:

1. Dalam bidang pendidikan
2. Dalam bidang sukan
3. Dalam bidang perniagaan

Penutup

Golongan berkeperluan khas perlu dihargai kerana mereka juga memberi sumbangan yang besar kepada negara dalam pelbagai bidang.

Bil	Nama Tokoh	Sumbangan
1.	Prof. Dr. Ruzita Mo	Merupakan seorang pensyarah selama 30 tahun di Jabatan Ekonomi, UIAM. Beliau berkongsi kisah bagaimana beliau merupakan seorang yang dilahirkan normal menjadi lumpuh kedua belah kaki kerana serangan demam panas dan juga perkongsian kisah keperitan hidup beliau dalam keluarga setelah kematian bapa. Beliau kembali bangkit dan berjaya menamatkan pelajaran dalam pengajian peringkat kedoktoran falsafah di Rensselaer Polytechnic Institute, New York, Amerika Syarikat. Seterusnya beliau memulakan kerjaya sebagai pembantu profesor di UIAM dan kini bergelar profesor.
2.	Syarifah Raudzah Syed Akil, atlet sukan angkat berat	Beliau telah mengharumkan nama negara dalam sukan angkat berat (Power Lifting) di peringkat antarabangsa sejak 2003. Beliau berkongsi kisah bagaimana beliau yang lumpuh separuh badan akibat demam panas sejak kecil mengharung kehidupan persekolahan dengan kekurangan sumber kewangan. Seterusnya beliau bangkit untuk meneruskan kehidupan, melanjutkan pelajaran dan minat yang mendalam dalam sukan angkat berat sehingga berjaya menempatkan diri ke tempat ke-8 dalam acara angkat berat Sukan Olimpik London pada tahun 2012.
3.	Nur Azlia Syafinaz, atlet lumba basikal paralimpik	Beliau mengharumkan nama negara dalam acara lumba basikal sukan paralimpik di peringkat antarabangsa. Beliau berkongsi pengalaman bagaimana beliau kembali bangkit meneruskan kehidupan dengan menerima pendidikan khas dan seterusnya aktif dalam acara lumba basikal sehingga meraih 4 buah pingat emas dan sebuah pingat perak dalam acara Sukan Para Asean pada tahun 2017. Pencapaian tertinggi beliau adalah di Sukan Para Asian pada tahun 2018 dengan menyumbangkan sebanyak 3 buah pingat emas dan sebuah pingat gangsa.
4.	Ruzimi Mohamad	Ruzimi merupakan seorang usahawan kreatif dan inovatif pemilik syarikat Imi Creative Solution Sdn. Bhd. Pernah mencipta motosikal roda tiga berkuasa bateri yang dinamakan Imi Creative Car (ICC) untuk kegunaan OKU dan warga emas di masa akan datang, anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan ini memiliki sebuah syarikat perniagaan pembangunan laman web. Bukan itu saja, syarikat

		Ruzimi juga menyediakan kursus motivasi dan teknologi maklumat.
5.	Dr. Aizan Sofia Amin, pensyarah kanan	Seorang pensyarah kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau bergiat aktif dalam memperkasakan golongan OKU di Malaysia. Beliau berkongsi kisah bagaimana beliau merupakan seorang yang dilahirkan normal kehilangan sebelah kaki pada usia 16 tahun akibat kanser tulang. Seterusnya beliau bangkit meneruskan kehidupan sehingga beliau berjaya menamatkan pelajaran dalam pengajian peringkat kedoktoran falsafah di Universiti of Glasgow, United Kingdom. Seterusnya beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah sehingga kini dan turut bergiat aktif dalam memperkasakan golongan OKU.

BAHAGIAN B

[70 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

DOMAIN KERJAYA

Di negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan beberapa negara maju lain, golongan petani dipandang tinggi kerana mereka tergolong dalam golongan yang kaya raya. Situasi ini mungkin boleh berlaku di negara kita. Negara kita mempunyai tanah yang subur, bebas daripada bencana alam atau keadaan huru-hara yang boleh memusnahkan sebarang kegiatan ekonomi. Jika kelebihan ini tidak dimanfaatkan, bermakna kita telah mensia-siakan anugerah sumber perniagaan yang sedia ada. Strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan iaitu 'Pertanian adalah Perniagaan' sudah pasti dapat dilaksanakan sekiranya kita sama-sama mencari jalan untuk memperhebat bidang pertanian dengan menjadikannya sebagai salah satu sumber pendapatan kita.

Sumber : Internet

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan usaha-usaha untuk menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam bidang pertanian.

CADANGAN JAWAPAN:

Bil	Usaha-usaha	Kesan
1.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh menganjurkan kursus-kursus pertanian untuk golongan muda dengan menggunakan kaedah moden. Persepsi negatif tentang pertanian konvensional yang berkaitan dengan cangkul, lembu dan kemiskinan nescaya akan berubah. Kursus asas pertanian dan motivasi ini akan mendorong mereka untuk menjadi petani moden yang menggunakan kaedah penyelidikan dan pembangunan (R&D)	-Generasi muda dapat mengubah tanggapan negatif mereka terhadap bidang pertanian. -melahirkan lebih ramai lagi petani/peladang yang menceburi bidang ini. -memberi peluang pekerjaan kepada generasi muda sekali gus mengurangkan kadar pengangguran negara. -menambahkan produktiviti negara dan mengurangkan import barangan berasaskan pertanian.
2.	Ibu bapa janganlah bertindak sebagai batu penghalang sebaliknya menggalakkan anak-anak menceburi bidang pertanian sejak kecil. -ibu bapa menjadi contoh dengan menanam sayur di sekeliling rumah/ dalam pasu/hidroponik	-anak-anak akan terpengaruh dengan sikap positif ibu bapa yang rajin berkebun. - menggunakan setiap ruang untuk ditanam dengan sayur, pokok bunga/buah-buahan. - meminati bidang pertanian dan memilih kursus pertanian di UPM.
3.	Guru juga boleh menjelaskan kebaikan pertanian kepada murid-murid. (melalui subjek Sains Pertanian/Bahasa Melayu) Pertanian menyediakan peluang pekerjaan.	-murid mendapat maklumat yang lengkap tentang pertanian. - murid dapat mengaplikasikan segala ilmu pertanian dalam kehidupan mereka

	Pertanian berskala besar mampu mengeksport hasil pertanian di luar negara.	- melahirkan lebih ramai petani moden/usahawan berasaskan pertanian/penternakan/perikanan.
--	--	--

BAHAGIAN B

[70 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

DOMAIN KERJAYA

Muhammad Subri Zaid, 35 yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal Kuasa telah empat tahun menceburi bidang pertanian. Menurutnya pertanian memberi jaminan masa depan yang cerah sekiranya penguasaha memiliki monda positif, keazaman yang kuat dan perlu sentiasa peka dengan teknologi terbaharu berkaitan pertanian. Namun sekiranya mahu menjadi petani kerana melihat kejayaan usahawan lain, ia tidak akan ke mana-mana kerana bidang ini bukanlah kerjaya main-main atau hanya suka-suka.

(Dipetik dan diubah suai daripada
‘Jadi Petani Jiwa Kena Kental’
Oleh BERNAMA)

Petikan akhbar di atas menerangkan bahawa bidang pertanian juga mampu memberi jaminan masa depan yang cerah. Namun, sektor pertanian yang dikatakan kurang diminati oleh generasi muda.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Bil	Usaha	Kesan
1	Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menubuhkan lebih banyak kolej Vokasional berasaskan pertanian.	Dapat melahirkan lebih ramai petani moden
2	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menganjurkan lebih banyak kursus secara percuma kepada generasi muda yang berminat dengan pertanian	- menarik minat generasi muda lepasan SPM/ ijazah untuk menceburi bidang pertanian setelah memperoleh ilmu ketika kursus
3	FAMA(Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) dan Lembaga Pertubuhan Peladang memberi bantuan modal dan kemahiran kepada petani muda.	-dapat melahirkan lebih ramai usahawan tani - meningkatkan produktiviti hasil pertanian

4	<p>Pihak sekolah boleh memupuk minat remaja terhadap bidang pertanian menerusi aktiviti kokurikulum (Kelab Pertanian, Makmal Pertanian, Pertanian Rumah Kaca dll).</p>	<ul style="list-style-type: none"> -memupuk minat untuk menjadi petani dalam kalangan murid -menjadikan pertanian sebagai kerjaya
5.	<p>Ibu bapa memberikan sokongan dan dorongan kepada remaja yang meminati bidang pertanian.</p> <ul style="list-style-type: none"> - menghantar anak-anak/ remaja ke kursus pertanian - menjelaskan kepada anak-anak bahawa bidang pertanian merupakan kerjaya yang menguntungkan 	<ul style="list-style-type: none"> -anak-anak tidak memandang rendah terhadap kerjaya dalam bidang pertanian. - ramai remaja yang akan menceburi bidang pertanian.

BAHASA MELAYU KERTAS 2

1103/2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA [35 markah]

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan tiga kata ganti nama. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Di dalam sebuah taman bunga terdapat seekor belalang yang suka menyanyi dan menari. **Dia** berasa gembira kerana dapat hidup di dalam taman yang indah itu. Di dalam taman itu terdapat juga berbagai-bagai jenis bunga seperti bunga raya, mawar dahlia, kenanga, melur dan cempaka. Taman bunga itu berwarna-warni dan harum. Tiap-tiap hari, belalang akan menyanyi dan menari. Dia akan melompat dari satu pokok yang lain. Terdapat rama-rama, Kumbang, Lebah dan semut. Pada satu hari, belalang mencari rakan-rakannya untuk bermain tetapi **mereka** semua sedang sibuk mencari makanan dan tempat perlindungan sebelum musim hujan tiba.

Dipetik dan diubah suai daripada
Cerpen Suara Alam Damai
Oleh Nor Alya Maisara bt Jumat
Berita Harian, 6 Julai 2018

(6 markah)

SKEMA JAWAPAN

1. Dia (1m)

2. Nya (1m)

3. Mereka (1m)

Bina Ayat

1. Dia seorang guru. (1m)

2. Mereka berkumpul untuk mengagihkan juadah berbuka puasa. (1m)

3. Lagu itu sungguh bermakna sehingga menusuk ke dalam hatinya. (1m)

* Terima mana-mana ayat yang sesuai dan relevan.

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata majmuk yang mantap dan dua kata ganda**. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Untuk merealisasikan pembelajaran abad ke-21, guru perlulah lebih kreatif dalam konteks merancang Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) demi kemenjadian murid. Pelbagai kaedah dan strategi PdPc boleh diimplementasikan bagi membolehkan murid berkolaboratif serta menjadi aktif di dalam kelas. Dalam konteks masyarakat Malaysia, konsep kerjasama telah lama diamalkan. Masyarakat Melayu dahulu memang sering melakukan pelbagai pekerjaan secara bersama-sama dan sikap tolong-menolong sentiasa diutamakan dalam kehidupan. Konsep gotong-royong ini telah diguna pakai dalam sistem pendidikan masyarakat Melayu pada masa lampau. Jelasnya, murid sebenarnya sentiasa diasuh bekerjasama agar dapat melahirkan warganegara yang memiliki jati diri yang utuh.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pembinaan Insan Seimbang,
oleh Nabilah Yusof,
Pelita Bahasa, Bil 4/2017

[8 markah]

SKEMA JAWAPAN :

. Untuk merealisasikan pembelajaran abad ke-21, guru perlulah lebih kreatif dalam konteks merancang Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) demi kemenjadian murid. Pelbagai kaedah dan strategi PdPc boleh diimplementasikan bagi membolehkan murid berkolaboratif serta menjadi aktif di dalam kelas. Dalam konteks masyarakat Malaysia, konsep **kerjasama** telah lama diamalkan. Masyarakat Melayu dahulu memang sering melakukan pelbagai pekerjaan secara **bersama-sama** dan sikap **tolong-menolong** sentiasa diutamakan dalam kehidupan. Konsep **gotong-royong** ini telah diguna pakai dalam sistem pendidikan masyarakat Melayu pada masa lampau. Jelasnya, murid sebenarnya sentiasa diasuh bekerjasama agar dapat melahirkan **warganegara** yang memiliki jati diri yang utuh.

kata majmuk yang mantap

1. Kerjasama
2. warganegara

kata ganda

1. bersama-sama
2. tolong-menolong
3. gotong-royong

Contoh ayat daripada kata majmuk

1. Kemenangan pasukan bola sepak itu terlihat melalui **kerjasama** padu ahli-ahlinya.
2. Negara ini memerlukan **warganegara** yang prihatin dan setia mematuhi undang-undang dalam usaha mengekang wabak Covid-19.

Contoh ayat daripada kata ganda

1. Mereka sanggup **bersama-sama** menghadapi pelbagai kesukaran sehingga berjaya menuju ke puncak Gunung Everest.
2. Murid-murid kelas 4 Bijak sentiasa mengamalkan sikap **tolong-menolong** dalam menceriaan kelas mereka.
3. Aktiviti **gotong-royong** merupakan nadi utama kemajuan masyarakat Kampung Pinang Sebatang.

SOALAN 1 : MORFOLOGI

KATA GANDA / KATA TERBITAN

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan Senaraikan **dua kata ganda** dan **dua kata nama terbitan**. Kemudian Anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Kami tidak pernah melihat suasana sawah padi pada waktu senja. Namun, kami terpegun apabila kami berdiri di tengah sawah padi yang luas terbentang. Tiada sesiapa pun yang tidak akan terpujau oleh keindahan pemandangan sawah padi yang sedang menguning. Ketika itu, sawah padi seolah-olah lautan yang kekuning-kuningan di bawah sinaran matahari.

SKEMA JAWAPAN

Kata nama terbitan	Kata ganda
Keindahan / 1. perihai indah, kecantikan, keelokan.	Seolah-olah 1. Seakan-akan, selaku, seperti
Pemandangan / 1. keupayaan (kemampuan) mata untuk memandang	Kekuning-kuningan 1. Berwarna agak kuning

- | | |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none">2. Pemerhatian3. Keadaan (alam dll) yang indah dipandang4. Hasil memandang, pandangan5. Pendapat, pandangan, pengetahuan6. Ulasan, komentar | |
|---|--|

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian tukarkan ayat-ayat tersebut menjadi ayat tunggal, ayat songsang dan ayat biasa.

(1) Ramai pengunjung membawa anak-anak atau anggota keluarga berkunjung ke Taman Tema Air A Famosa. (2) Pelbagai permainan kanak-kanak boleh didapati di sana. (3) Walaupun bayaran agak mahal, semua orang yang datang berpuas hati. (4) Taman tema ini semakin diminati oleh rakyat Malaysia. (5) Sungguhpun banyak taman tema dewasa ini, Taman Tema Air A Famosa masih menjadi pilihan utama pengunjung.

- (i) Tukar ayat majmuk (1) menjadi 2 ayat tunggal.
- (ii) Tukar ayat susunan biasa (2) dan (4) menjadi susunan songsang.
- (iii) Tukarkan ayat songsang (3) dan (5) kepada susunan biasa.

SKEMA JAWAPAN

- (i) - Ramai pengunjung membawa anak-anak berkunjung ke Taman Tema Air A Famosa.
 - Ramai pengunjung membawa anggota keluarga berkunjung ke Taman Tema Air A Famosa.
- (ii) - Boleh didapati pelbagai permainan kanak-kanak di sana.
 - Semakin diminati oleh rakyat Malaysia taman tema ini.
- (iii) Semua orang yang datang berpuas hati walaupun bayaran agak mahal.
 - Taman Tema Air A Famosa masih menjadi pilihan utama sungguhpun banyak taman tema dewasa ini.

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Pisahkan ayat-ayat majmuk di bawah supaya menjadi enam ayat tunggal tanpa mengubah susunan dan maksud asalnya.

Patriotisme dikaitkan dengan semangat kecintaan dan pengorbanan untuk negara. Semangat cinta akan negara ini perlu disemai untuk melahirkan remaja berwawasan. Semangat itu tidak hadir sendiri tanpa memahami sejarah negara secara jelas malah perlu sentiasa dipelajari dari semasa ke semasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memupuk Semangat Patriotisme melalui Sejarah'

Oleh Azam Rahman, Dewan Siswa, Ogos 2014

(6 markah)

Perhatian bagi Soalan 2 : Sintaksis

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata tunggal yang betul.
2. Susunan dan maksud ayat mesti dikekalkan bagi setiap ayat tunggal.
3. Jika susunan ayat tidak dikekalkan beri 0 markah.
4. Tidak menambah perkataan lain atau mengurangkan perkataan yang sedia ada dalam ayat.

Skema Jawapan

1. Patriotisme dikaitkan dengan semangat kecintaan untuk negara.
2. Patriotisme dikaitkan dengan semangat pengorbanan untuk negara.
3. Semangat cinta akan negara ini perlu disemai.
4. Semangat cinta akan negara ini melahirkan remaja berwawasan.
5. Semangat itu tidak hadir sendiri tanpa memahami sejarah negara secara jelas.
6. Semangat itu perlu sentiasa dipelajari dari semasa ke semasa.

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Sukan air juga mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri. Oleh sebab kebanyakan sukan air ini melibatkan kemahiran menggunakan peralatan, peserta mestilah mematuhi perintah yang diberikan. Aspek keselamatan perlulah diutamakan. Bagi sukan air secara berkumpulan, berada pada dasar laut dalam aktiviti selam scuba misalnya, sudah pasti akan memupuk sikap saling percaya-mempercayai, persefahaman dan perpaduan yang erat. Banyak lagi lain nilai murni yang dapat diterapkan antaranya termasuklah keberanian, yakin diri, dan menghargai masa. Pendedahan yang berterusan kepada sukan air ini berupaya bagi untuk meningkatkan kualiti dalam hidupan.

Petikan 2

Naim tidak suka membersihkan bilir air yang banyak kotoran degil. Tiba-tiba, dia teringat akan rahsia yang pernah Tuk Nan berikan kepadanya. Dia pun pergi ke dapur mengisi botol penyembur dengan separuh air dan separuh cuka. Dia kembali ke bilik air dan menyemburkan campuran tersebut pada permukaan cermin. Selepas itu, dia mengelap permukaan cermin itu dengan kertas suratkhabar.

Naim tersenyum puas di hadapan cermin yang telah bersih dan bersinar. Namun demikian, dia termenung apabila melihat jubin dan sinki yang kotor.

“Apakah yang ditermenungkan itu, Naim?” suara Tuk Nan tiba-tiba menyedarkan Naim dari lamunan.

“Eh, Tuk Nan!Tuk sampai bila? Terkejut Naim,” kata Naim sambil bersalam dengan Tuk Nan.

SKEMA JAWAPAN SOALAN 3 (PENYUNTINGAN)

Petikan 1

1. kebanyakan - kebanyakan
 2. perintah - arahan
 3. pada - di
 4. saling percaya-mempercayai - saling mempercayai/percaya-mempercayai
 5. lain nilai murni – nilai murni lain\
 6. bagi untuk - bagi/untuk
 7. hidupan - kehidupan
- [pilih enam sahaja]

Petikan 2

1. rahsia – petua
 2. Tuk Nan berikan kepadanya – diberikan oleh Tuk Nan kepadanya
 3. suratkhabar – surat khabar
 4. sinki - singki
 5. ditermenungkan – dimenungkan
 6. dari – daripada
- [pilih lima sahaja]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Apabila bercakap soal bahasa Melayu dan penutur asing, bahasa itu telah diajar dan dipelajari oleh bangsa lain sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Melihat pada kepentingan bahasa Melayu pada ketika itu telah mendorong para sarjana-sarjana Barat dan Timur untuk menghasilkan kamus demi kegunaan mereka untuk berkomunikasi dalam urusan berdagang dan pentadbiran dengan masyarakat setempat. Oleh itu pada tahun 1403, terhasillah kamus bahasa Melayu yang pertama, iaitu kamus bahasa Cina-bahasa Melayu, mengandungi 482 daftar kata yang ditulis dalam tulisan Cina. Kemudian diikuti dengan penghasilan kamus bahasa Melayu-bahasa Itali pada tahun 1521 oleh Antonio Pegafetta yang terdiri dari 426 daftar kata. Perkembangan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu sememangnya menjadi milik masyarakat antara bangsa sejak awal abad ke 15 lagi.

Dipetik daripada
Bahasa Melayu Milik Semua, oleh Noor Roza Hassan
Pelita Bahasa, Bil 2, 2019

[11 markah]

SKEMA JAWAPAN:

1. pada – kepada
2. para sarjana-sarjana – para sarjana/ sarjana-sarjana.
3. Menhasilkan – menghasilkan
4. demi – bagi
5. berkominikasi – berkomunikasi
6. berdagang – perdagangan
7. diikut - diikuti
8. dari = daripada
9. menunjukan – menunjukkan
10. antara bangsa – antarabangsa
11. ke 15 – ke-15

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah maksud asalnya.

Setelah habis dikenalnya segala yang empunya, maka titah raja, “Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagian akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana.” Maka sembah orang itu, “Daulat tuanku, mana titah patik junjung.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antolgi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

Skema jawapan

Setelah/selepas semua harta dikenal pasti/dicam oleh pemilik harta, lalu/kemudian titah raja/raja bertitah, “wahai kamu semua sekalian, semua harta ini hendaklah dibahagikan kepada tiga bahagian, dua bahagian diberikan kepada Laksamana, sebahagian /satu bahagian untuk pemilik harta, kerana harta yang telah hilang ini dijumpai/ditemukan oleh Laksamana.” Kemudian/Lalu sembah orang itu, “Daulat Tuanku, mana/segala/semua titah tuanku patik junjung.”

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan Bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tuan Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun

orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?"

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada',

Antologi Sejadah Rindu, KPM

SKEMA JAWAPAN

Selanjutnya /Seterusnya / Selepas itu, pada suatu hari, Tun Perak datang menghadap, dia duduk di tanah bersama-sama orang ramai. Lalu, kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tun Perak, semua orang Kelang menghadap baginda untuk mengadu masalah mereka ke bawah Duli Yang Diertuan. Sesungguhnya/Sebenarnya orang teluk rantau lain yang menghadap semuanya laki-laki sahaja; tetapi/namun orang Kelang ini dibawa menghadap oleh Tun Perak bersama-sama / dengan perempuan sekali. Mengapakah sikap/ kelakuan/ perangai /tingkah laku tuan demikian?"

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan maksud tiga peribahasa yang telah digariskan dalam petikan tersebut

Ketika Ali meluahkan keinginannya yang tinggi untuk memulakan perniagaan, ayahnya menasihatnya jika hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai. Ali sedar ayahnya mahu melihat dirinya berjaya.

Ali berpegang pada prinsip di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Ali memulakan langkah dengan menjual kuih tat secara dalam talian. Selang beberapa bulan, Ali didatangi oleh seorang ahli perniagaan yang ingin memasarkan kuihnya ke luar negara. Ali sangat teruja bagai orang mengantuk disorongkan bantal. Kini, perniagaan Ali telah berkembang maju setaraf kuih di pasaran antarabangsa

[6 markah]

Soalan 2

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Nuyah : Jom kita siapkan kertas kerja cadangan kepada cikgu Maisarah tentang hasrat kita nak menternak arnab di sekolah. Cepatlah, jangan bertangguh.

Luqman : Betul tu Nuyah, ini pasti akan menarik perhatian murid-murid lain untuk berkunjung sebagai terapi untuk mereka setelah penat belajar. Satu lagi arnab ni cepat membiak dan boleh dijual. Bolehlah kita sama-sama nikmati hasil usaha kita.

Adora : Mari kita siapakan kertas kerja ini, harap-harap ada rezeki kumpulan kita untuk dapatkan peruntukan yang hendak diberikan oleh pihak sekolah itu.

[6 markah]

Soalan 3

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai pada tempat kosong yang disediakan.

Taman Negara Mulu merupakan banjaran pasir setinggi kira-kira 2377 meter dan mempunyai sejarah yang bernilai lebih daripada 1.5 juta tahun. Namun malangnya, masyarakat setempat lebih suka melancong ke luar negara berbanding negara sendiri bak kata pepatah _____.

_____ begitulah peribahasa yang sesuai untuk mereka yang mampu melihat dengan jelas tarikan gunung Mulu yang mempunyai rangkaian gua terpanjang di dunia di samping mempunyai kira-kira 3500 spesies tumbuhan vaskular dan 109 spesies palma daripada 20 genus.

Destinasi pelancongan ini bukanlah _____ kerana pastinya pengunjung akan pulang dengan keterujaan.

[6 markah]

Soalan 4

Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Siti Aisyah: Pusat Rekreasi Tanjung Emas ini sungguh indah dan damai. Saya suka datang ke sini.

Zahid: Betul tu, saya kesal dengan Tanjung Pertiwi. Dahulunya bersih tapi sekarang sudah berlaku pencemaran. Saya sangat kesal. Yalah, tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata.

Farah Amni: Ya, kesedaran tentang penjagaan tempat awam perlu bermula dari rumah. Ibu bapa perlu menjadi contoh kerana bagaimana acuan, begitulah kuihnya.

[4 markah]

SKEMA PEMARKAHAN

Soalan 1

Hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai

Maksud: *sekiranya hendak mengetahui atau menguasai sesuatu perkara, belajarliah daripada orang yang ahli ataupun pakar dalam bidang tersebut*

Di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Maksud: *jika mempunyai cita-cita seseorang itu akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya*

Bagai orang mengantuk disorong bantal

Maksud: *Memperoleh apa yang benar-benar diinginkan.*

Soalan 2

1. Bertangguh pencuri masa
2. Titik peluh
3. Untung sabut timbul, untung batu tenggelam

Soalan 3

1. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri
2. Jauhari sahaja yang mengenal manikam
3. Indah khabar daripada rupa

Soalan 4

- 1) tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata.
 - Kalau tiada angin masakan pokok bergoyang
- 2) bagaimana acuan, begitulah kuihnya.
 - Bapa borek anak rintik
 - Kemana tumpunya kuah kalau tidak ke nasi

SOALAN 5: PERIBAHASA

Baca dialog di bawah dengan teliti kemudian isikan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Mawar : Wah, bersih sungguh tempat ini! Dahulu tidak begini.

Raj : Betul kata awak, Mawar. Kini kesedaran tentang penjagaan kebersihan di tempat awam semakin meningkat.

Lily : Minggu lepas, saya dan Mawar ke tempat perkelahan yang berhampiran dengan rumah saya. Keadaannya agak mendukacitakan.

Raj : Betulkah begitu, Mawar?

Mawar : Betul, Raj. Peribahasa ada mengatakan _____.

Raj : Aduhai, sungguh tak sangka! Janganlah kita menjadi seperti _____.

Lily : Ya, kesedaran tentang penjagaan tempat awam perlu bermula dari rumah. Ibu bapa perlu menjadi contoh kerana _____.

[6 markah]

CADANGAN JAWAPAN

Mawar : Wah, bersih sungguh tempat ini! Dahulu tidak begini.

Raj : Betul kata awak, Mawar. Kini kesedaran tentang penjagaan kebersihan di tempat awam semakin meningkat.

Lily : Minggu lepas, saya dan Mawar ke tempat perkelahan yang berhampiran dengan rumah saya. Keadaannya agak mendukacitakan.

Raj : Betulkah begitu, Mawar?

Mawar : Betul, Raj. Peribahasa ada mengatakan tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata.

Raj : Aduhai, sungguh tak sangka! Janganlah kita menjadi seperti keras mendapat bunga.

Lily : Ya, kesedaran tentang penjagaan tempat awam perlu bermula dari rumah. Ibu bapa perlu menjadi contoh kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya/ bapa borek anak rintik.

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan situasi di bawah dengan teliti dan kemudian **kemukakan satu peribahasa** yang menggambarkan setiap situasi tersebut.

1. Adham tergolong dalam kelompok pelajar yang lemah di sekolah. Namun dia belajar setiap hari dengan bersungguh-sungguh tanpa jemu. Akhirnya dia dapat menguasai pembelajaran standing dengan rakan-rakan di kelas Cemerlang.

2. Perpecahan dan pertelingkahan antara penduduk kampung akibat kehadiran lelaki yang mengajarkan ilmu sesat itu dapat diselesaikan apabila dia dibuang negeri.

3. Azrina mendapat khabar bahawa dia berjaya dalam temu duga untuk jawatan yang dipohon. Tanpa berfikir panjang, dia berhenti daripada kerja yang dijawat sekarang kerana pendapatannya kecil. Malangnya dia gagal mendapat pekerjaan itu dan kehilangan jawatan yang sedia ada.

SKEMA JAWAPAN

1. Belakang parang diasah lagikan tajam
2. Biduk lalu kiambang bertaut
3. Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran/mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Aras Kesukaran : Rendah

SET 1

Nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan dialog di bawah.

Mak Jah	Zaleha selalu membantu orang yang memerlukan bantuan ketika dalam kesusahan. Selain itu, sikapnya yang sopan santun itu disenangi penduduk setempat walaupun dia masih berusia 15 tahun.
Puan Ai Ling	Betul tu Mak Jah. Remaja sekarang terlalu memandang ringan tentang adab sopan ketika bertutur dengan orang yang lebih tua.
Mak Jah	Anak-anak perlu diberikan didikan sejak mereka kecil lagi kerana didikan pertama bermula dari rumah.

(i) Ringan _____.

(ii) _____ mudah.

(iii) _____ buluh _____ dari _____.

SET 2

Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

1. Kehidupan Amira seperti _____ kerana setelah diragut, dia pula dilanggar sebuah lori.
2. Setelah 10 tahun menetap di Jepun, Zarif bertekad untuk pulang dan bekerja di Malaysia sesuai dengan peribahasa _____.
3. Hakim akhirnya terdengar kata-kata negatif yang ditujukan kepadanya setelah mendengar perbualan Aminah dan Huda yang sepatutnya _____.

SET 3

Bina ayat yang sesuai dengan menggunakan peribahasa di bawah ini untuk menjelaskan maksud peribahasa tersebut.

(i) Sediakan payung sebelum hujan

Azira sering _____ wang lebih baki _____ untuk digunakan sekiranya berlaku _____ di kemudian hari sesuai dengan peribahasa _____ payung _____ hujan.

(ii) Bagai menabur garam di lautan.

Nasihat ibunya bagai _____ garam di _____ kepada Adli kerana Adli tidak pernah _____ dan berhenti daripada terlibat dengan gejala _____ dadah.

(iii) Membuka pekung di dada.

Zairin sering menceritakan _____ keluarganya sendiri kepada Zura yang kelihatan seperti membuka _____ di _____.

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Aras Kesukaran : Sederhana

SET 1

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Kita mestilah yakin bahawa sesuatu yang telah kita mulakan mestilah diselesaikan sendiri dengan bersungguh-sungguh kerana perkara tersebut merupakan tanggungjawab kita. Kita perlu tekun dan tidak mudah berputus asa bagi memastikan sesuatu tugas dapat disiapkan dalam masa ditetapkan meskipun diselesaikan satu per satu. Janganlah pula kita memberikan pelbagai alasan sekiranya tidak berjaya menyempurnakan tugas tersebut.

- (i) _____ pekasam, _____.
- (ii) sehari _____, lama-lama _____.
- (iii) Hendak _____, tak _____.

SET 2

Berikan **3 peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa di bawah.

Nasib bahasa Melayu seperti abu di atas tunggul kerana ramai pengguna bahasa Melayu suka menggunakan bahasa rojak semasa berkomunikasi. Sepatutnya, Media massa menjadi contoh penggunaan bahasa yang betul. Teguran pihak berwajib terhadap media massa nampaknya seperti hujan jatuh ke pasir kerana langsung tidak memberikan kesan kepada mereka. Bukankah Bahasa itu Jiwa Bangsa? Jika pengamal media terus bersikap begini, mereka umpama api dalam sekam.

- (i) seperti _____ rumput
- (ii) bagai _____ keladi
- (iii) musuh _____

SET 3

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai untuk melengkapkan tempat kosong dalam petikan tersebut.

Sebuah masyarakat yang bermaklumat mestilah memastikan setiap maklumat itu hendaklah betul dan sahih sumbernya. Penyebaran _____ (i) _____ akan memberikan kesan negatif kepada anggota masyarakat dan mengundang perasaan curiga pihak luar terhadap negara kita. Jika perkara itu dilakukan oleh segelintir masyarakat sekalipun, maruah negara tetap terjejas kerana perbuatan itu samalah seperti _____ (ii) _____. Amalan negatif sebegitu hendaklah kita hindari agar masyarakat tidak dilabel sebagai berfikir _____ (iii) _____ apabila tidak dapat membezakan berita itu benar atau palsu.

- (i) khabar _____.

(ii) seekor _____, semuanya _____.

(iv) _____ masak.

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Aras Kesukaran : Tinggi

SET 1

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Mila berasal daripada keluarga yang miskin. Setiap hari, Mila dan adik-beradiknya terpaksa bekerja membantu keluarganya demi mencari sesuap nasi. Mila berazam untuk belajar dengan bersungguh-sungguh bagi mengubah nasib keluarganya walaupun menghadapi pelbagai kesukaran. Akhirnya, Mila berjaya mencapai cita-citanya sebagai jurutera di sebuah syarikat terkemuka. Mila mula lupa untuk bertanyakan khabar keluarganya di kampung berbulan lamanya kerana sibuk bekerja sehinggalah ayah dan ibunya meninggal dunia setelah terlibat dalam sebuah kemalangan semasa ingin mencari nafkah demi adik-adiknya. Mila menyesali perbuatannya kerana mengabaikan keluarganya sebelum ini, namun semuanya sudah telambat.

SET 2

Bina ayat yang sesuai dengan menggunakan peribahasa di bawah ini untuk menjelaskan maksud peribahasa tersebut.

- (i) Bagaimana acuan, begitulah kuihnya.
- (ii) Seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
- (iii) Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juga

SET 3

Baca kad ucapan di bawah ini dengan telitinya. **Senaraikan tiga peribahasa** kemudian berikan maksud peribahasa tersebut.

Adindaku Zahira,

Tahniah kekanda ucapkan atas kejayaan adinda mencapai cita-cita yang diidamkan. Berkat kesungguhan dan ketekalan adinda belajar bersungguh-sungguh tanpa jemu seperti genggam bara api biar sampai jadi arang akhirnya membuahkan hasil.

Ingatlah, setinggi mana sekalipun kedudukan kita peroleh, kita mestilah tidak memandang rendah kepada orang di bawah kita justeru ikutlah resmi padi, makin berisi makin tunduk.

Jika berlaku perbalahan dalam adik-beradik di kemudian hari nanti, kita haruslah bijak mencari jalan penyelesaian dan segera memohon maaf kerana air dicancang tidak akan putus.

Kekandamu,

Mira Idora

SKEMA JAWAPAN

ARAS RENDAH

SET 1

- (i) Ringan **tulang**
- (ii) **Ambil** mudah
- (iii) **Melentur** buluh **biarlah** dari **rebungunya**.

SET 2

- (i) Sudah jatuh ditimpa tangga
- (ii) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri
- (iii) Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar.

SET 3

- (i) Azira sering menyimpan wang lebihan baki pendapatannya untuk digunakan sekiranya berlaku kecemasan di kemudian hari sesuai dengan peribahasa sediakan payung sebelum hujan.
- (ii) Nasihat ibunya bagai menabur garam di lautan kepada Adli kerana Adli tidak pernah berubah dan berhenti daripada terlibat dengan gejala penagihan dadah.
- (iii) Zairin sering menceritakan keburukan keluarganya sendiri kepada Zura yang kelihatan seperti membuka pekung di dada.

SKEMA JAWAPAN

ARAS SEDERHANA

SET 1

- (i) Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan
- (ii) Sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain
- (iii) hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

SET 2

- (i) seperti embun dihujung rumput
- (ii) bagai mencurah air ke daun keladi
- (iii) musuh dalam selimut/ gunting dalam lipatan

SET 3

- (i) khabar __ angin __.
- (ii) seekor membawa lumpur, semuanya habis terpalit.
- (iii) setengah masak.

SKEMA JAWAPAN

ARAS TINGGI

SET 1

- (i) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (ii) kacang lupakan kulit
- (iii) sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

SET 2

- (i) Ibu bapa harus menjadi suri teladan kepada anak-anak kerana bagaimana acuan, begitulah kuhnya.
- (ii) Perbalahan antara Sani dan Saleha dalam perbincangan projek syarikat mereka tidak berjaya kerana masing-masing berpegang kepada pendapat masing-masing.
- (iii) Pertelingkahan antara Aiman dan abangnya tidak akan menyebabkan putusny tali persaudaraan mereka.

SET 3

- (i) Sabar dan tabah sehingga mencapai kejayaannya semasa membuat sesuatu pekerjaan yang susah.
- (ii) Makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat makin merendah diri
- (iii) Perselisihan antara adik-beradik tidak akan kekal lama dan akhirnya akan berbaik semula.

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6: PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Apabila masyarakat menyuarakan tentang operasi persekolahan, tergambar dalam pemikiran kehadiran murid di sekolah dengan guru mengajar di bilik darjah.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) mesti berlaku dan perlunya ada latihan untuk memastikan penyampaian serta peningkatan ilmu, selain perlu ada suatu pentaksiran untuk mengukur pencapaian murid. Hal ini sinonim dengan sistem pendidikan negara kita.

Realitinya, kebolehan dan keupayaan murid ada pelbagai bentuk dan tahap. Ada yang perlu belajar secara formal, manakala sesetengahnya pula memperoleh ilmu pengetahuan melalui pengalaman sebenar.

Adakah benar anak tidak akan berjaya jika sekolah tidak beroperasi - dalam erti kata lain, sistem persekolahan secara bersemuka seperti biasa? Adakah generasi kita akan gagal memimpin negara pada masa depan jika sistem persekolahan tidak berjalan seperti biasa?

Persoalannya, adakah ibu bapa bersedia menghadapi kebarangkalian anak dijangkiti COVID-19? Persoalan ini perlu ditangani dengan bijaksana dan penuh tertib.

Sebaliknya, jika ibu bapa mampu mendidik anak mereka dengan menyediakan prasarana bersesuaian, pembelajaran secara dalam talian atau penggunaan modul berserta pembelajaran hibrid akan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Tuntasnya, ibu bapa perlu bersinergi dengan pihak sekolah dan guru khususnya *dalam meredah ranjau* pandemik yang membawa pelbagai kelaziman baharu. Kejayaan atau kegagalan anak didik sebenarnya penentu masa depan negara.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Mendidik anak bukan hanya di bilik darjah
Oleh Prof Dr Abdul Rasid Jamian
bhrencana@bh.com.my, Januari 18, 2021

COVID-19
UMS
25
PESANAN KESIHATAN HARIAN

OLEH PUSAT KESIAPSIAGAAN & TINDAKAN COVID-19 UMS

TIPS Tabiat Belajar

Yang Baik Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

PEMAKAIAN

Untuk mewujudkan mindset dan suasana persekitaran yang sesuai bagi menggalakkan anda belajar, dicadangkan anda mengenakan pakaian yang biasa anda pakai bila anda pergi ke kuliah.

REHAT

Ambil masa untuk berehat dengan melakukan senaman ringan, hirup udara segar dan lihat pemandangan di luar.

RUANG BELAJAR

Sediakan ruang belajar yang sesuai dan selesa. Ini boleh membantu anda untuk kekal fokus.

RUTIN HARIAN

Sebaiknya rutin harian anda mirip dengan aktiviti seharian pembelajaran sebelum PKP untuk membantu mental anda bersedia untuk belajar.

ELAKKAN GANGGUAN

Elakkan sebarang gangguan semasa sesi pembelajaran seperti mematikan talian telefon bimbit atau webcam.

DINAMIK • LESTARI • INTEGRITI • KEADILAN • KEGEMBIRAAN

[@ums.official](#) [@mediams](#) [@ums.official](#) [@UMS Official](#) [@UMS_EcoCampus](#) [@UmeJumaFall](#) [www.ums.edu.my](#)

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *meredah ranjau*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menghadapi pembelajaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan. [3 markah]
- (iii) Sesi pembelajaran norma baharu mementingkan teknologi maklumat dan komunikasi. Pada pendapat anda, apakah kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi terhadap masa hadapan murid-murid? [3 markah]

- (iv) Anda merupakan salah seorang murid yang menjalani pembelajaran norma baharu dan menjalani proses pembelajaran di rumah. Salah seorang rakan baik anda menghadapi kesukaran untuk menyertai pembelajaran dari rumah.

Sebagai rakan yang bertanggungjawab, apakah yang akan anda lakukan supaya rakan anda menyertai kelas secara dalam talian bersama-sama rakan yang lain?

[4 markah]

Cadangan jawapan:

- i- Menempuh/mengharung, kesukaran hidup
- ii- Bahan 1 :
 - ibu bapa mampu mendidik anak mereka dengan menyediakan prasarana bersesuaian,Bahan 2 :
 - Mewujudkan mindset dan suasana persekitaran yang sesuai bagi menggalakkan belajar
 - Sediakan ruang belajar yang sesuai dan selesa
 - Ambil masa untuk berehat dengan melakukan senaman ringan, hirup udara segar dan lihat pemandangan di luar
 - Rutin harian mirip dengan pembelajaran sebelum PKP
 - Elakkan sebarang gangguan semasa sesi pembelajaran
- iii- kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi terhadap masa hadapan murid-murid
 - memudahkan pencarian maklumat di hujung jari/ mengetahui isu-isu semasa
 - memudahkan murid berhubung dengan rakan-rakan dan berkongsi ilmu
 - dapat menyiapkan kerja dengan cepat dan mudah/ menjimatkan masa
 - mengeratkan hubungan silaturahim antara rakan dan keluarga walaupun jauh
 - mudah untuk mendapat peluang pekerjaan
- iv- Sebagai rakan yang bertanggungjawab, perkara yang akan saya lakukan supaya rakan saya menyertai kelas secara dalam talian bersama-sama rakan yang lain
 - Bertanya tentang masalah yang dihadapi oleh rakan
 - Memastikan rakan-rakan dapat menyertai kumpulan dalam talian bagi semua subjek
 - Memberitahu guru masalah yang dihadapi oleh rakan
 - Berkongsi data internet dengan rakan yang memerlukan/ bertanya kepada rakan-rakan yang berkemampuan untuk berkongsi data Internet

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

SOALAN 6: PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Perjalanan dari Bandar Baru Bangi ke Pulau Pinang yang dikenali juga sebagai Pulau Mutiara kali ini sungguh lancar sekali. Pukul 10:30 pagi, kami sudah pun merentas Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Perjalanan agak jauh tetapi tidak membosankan. Tatkala memasuki bandar raya Pulau Pinang, berkumandang lagu *Boria Pulau Pinang* dari corong radio.

Oleh sebab semuanya sudah berasa lapar, kami mengambil keputusan untuk berhenti di restoran nasi kandar yang menjadi kegemaran kami sekeluarga setiap kali bercuti di Pulau Pinang. Setelah berehat beberapa ketika, kami mengambil keputusan untuk turun ke pantai bagi menikmati keindahan pantai Batu Feringgi, mandi manda dan membina istana pasir.

Sepanjang berada di Pulau Pinang, kami juga sempat mengunjungi Padang Kota, Taman Herba, Bukit Bendera, Taman Negara Pulau Pinang, Muzium Perang, Fort Cornwallis, Rumah Peranakan Pulau Pinang, Menara Komtar, Pulau Aman, dan Inap Desa Mengkuang Titi. Saya berasa sangat seronok. Semoga percutian kami sekeluarga diberkati Tuhan.

*Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia*

Bahan 2

Gunung Tahan:

1. Bulatan Paya
 - # Perjalanan sejauh 630 meter meniti pelantar laluan.
 - # Memerhatikan ayam pegar mengais makanan.
2. Bumbun Tahan
 - # Pondok pemerhatian hidupan liar di padang ragut
 - # Sering dikunjungi mamalia ungulata seperti rusa sambar, kijang, dan babi hutan
3. Titian Kanopi
 - # Berjalan kaki ke titian ini mengambil masa 45 minit, namun khidmat bot dari Sungai Tembeling ada disediakan
 - # Merentas titian kanopi sepanjang 510 meter mengambil masa 40 minit
4. Bukit Teresek
 - # Terdapat dua buah tinjau di puncak bukit. Tinjau pertama menghadap Sungai Tembeling. Tinjau kedua pemandangan pergunungan dan Sungai Tahan.
 - # Jenut muda yang terdiri daripada dua kolam berlumpur akan ditemukan dalam perjalanan turun ke Sungai Tahan.
5. Lubuk Simpon
 - # Berjalan kaki di atas pelantar laluan dari Pusat Pelawat mengambil masa 20 minit
 - # Mempunyai tebing yang berpasir dan cetek
 - # Amat sesuai untuk berkelah dan berenang

*Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia*

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menikmati keindahan*. [2 markah]
- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **perbezaan** kedua-dua tempat pelancongan tersebut. [3 markah]
- iii) Kerajaan Malaysia telah memberikan kelonggaran kepada sektor pelancongan apabila membenarkan rakyat melancong di dalam negara setelah berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah yang diperoleh rakyat apabila melancong di dalam negeri sendiri? [3 markah]
- iv) Anda dan rakan-rakan anda berhasrat untuk melancong ke Pulau Langkawi semasa cuti persekolahan pada bulan hadapan. Di samping membuat persiapan, anda perlu bertanggungjawab menjaga dan melestarikan alam sekitar.
Sebagai pelancong, nyatakan ciri-ciri pelancong hijau yang perlu anda titikberatkan sepanjang percutian tersebut. [4 markah]

SKEMA JAWAPAN

- i) mengecap/merasai kecantikan/keelokan [2 markah]
- ii) Perbezaan Pulau Pinang dan Taman Negara Pahang
- a) - menyeberangi laut menaiki feri atau melalui jambatan
 - laluan sungai dengan menaiki bot
 - b) - banyak tempat menarik sebagai destinasi pelancongan
 - ekopelancongan geologikal dan biological
 - c) - tanah tingginya Bukit Bendera
 - tanah tingginya Gunung Tahan
 - d) - diiktiraf sebagai pulau ke-3 terbaik di dunia
 - taman negara tertua di Malaysia - hutan hujan tertua 130 tahun
- [Maksimum: 3 markah]
- [Isi cukup: 2 isi]
- iii) - rakyat dapat berjimat kerana kos melancong di dalam negara lebih murah
- rakyat dapat merapatkan hubungan apabila melancong bersama-sama ahli keluarga
- rakyat dapat memupuk perasaan cinta akan negara apabila melawat tempat-tempat menarik di negara sendiri
- [Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]
- iv) - memilih penginapan berkonsepkan hijau
- membeli produk tempatan yang mesra alam. Contohnya makanan organik
- berjalan kaki, menggunakan basikal atau kenderaan awam
- berjimat penggunaan air dan tenaga elektrik
- mengurangkan penghasilan sampah; gunakan botol air pakai ulang dan beg beli-belah
- mengambil tahu atau menyertai aktiviti setempat contoh gotong-royong
- [Maksimum: 4 markah]
- [Isi cukup: 3 isi]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

' Lantas, berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan Bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. "Bumi ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada belenggu penjajah. Lebih kurang lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri. Hak dan maruah kita dicabul, Mel."

Cerita bonda suatu hari tatkala saya asyik membelek-belek kitab-kitab lama bertulisan Jawi di dalam almari yang memperincikan sejarah asal usul bumi mewah ini. Saya pandang mata bonda dalam-dalam mencari pengertian sebenar saya anak generasi baharu yang belum mengerti segala-galanya itu. Saya faham bonda hanya ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam diri saya. Semangat cinta akan bangsa sendiri kian terhakis dalam jiwa anak-anak generasi material ini. Harapan bonda moga-moga saya menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya sendiri yang sedikit, demi sedikit mula terhakis di atas tanah sendiri.

Dipetik daripada cerpen Munshi,
Oleh Husna Nazri,
Antologi Jacket Kulit Kijang
Dari Istanbul. Hal 58
Dewan Bakti & pustaka,
Kementerian pelajar Malaysia.

Bahan 2

Pesan Pak Dollah

Negara ini dibina
bata per bata
disimen celik minda
tapaknya teguh sekata
tidak saling curiga
tidak saling wasangka.

Anak,
negara ini milik semua
siapa pun mereka
yang kuat mengganas usaha
yang lemah dibantu tenaga
ras dan warna bukan hak membeda.

Anak,
negara ini pusaka
diwarisi adil saksama
Dibangun bersama.

Anak,
negara ini pemberi
yang wajib dikasih
yang tetap teguh di hati.

Anak,
negara ini cinta
yang tidak berbelah
kasih yang tidak mungkin berubah.

Anak,
negara ini Malaysia
tanah tumpah darahku
tanah tumpah darahmu
tanah takhta tinggi
semayam dalam diri
relakan berbakti.

Lirik : Abdullah Jones
Lagu : Airmas SZ

Dipetik daripada tema 9
Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 KSSM
Bukan Sebarang Seniman
Hal 117

Gelanggang

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih
lima dekad yang lalu
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat
dan air mata
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat
berpadu
kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
hati nurani
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
gelanggang
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
agar kecemerlangan tercerna di persada arena
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Dipetik daripada puisi moden gelanggang
Oleh Onn Malini
Antologi Jacket kulit kijang
Dari Istanbul hal 21

Dewan Bahasa & pustaka
Kementerian Pelajaran Malaysia

- (i) Berdasarkan **bahan 3**, berikan maksud *menangkis tomanan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan bagaimana nenek moyang kita dahulu mempertahankan kedaulatan negara. [3 markah]
- (iii) Semangat cinta akan negara amat penting di pupuk dalam diri generasi muda kini. Sebagai remaja pewaris bangsa dan kepimpinan negara pada masa akan datang.
- Apakah kaedah yang boleh anda lakukan untuk memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan remaja kini. [4 markah]
- (iv) Semangat patriotik dalam kalangan rakyat amat penting dalam pembangunan negara.
- Pada pendapat anda, mengapakah nilai ini perlu ditanam kepada rakyat dan pemimpin di negara kita.? [3 markah]

SKEMA JAWAPAN

- Maksud rangkai kata menangkis tomanan**
 - Membantah / melawan / menolak tuduhah / kutukan.
- Cara nenek mempertahankan kedaulatan negara**
 - Nenek moyang yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat kepewiraan untuk membebaskan tanah air daripada belunggu penjajah.
 - Kerjasama dan persefahaman tanpa rasa curiga dan wasangka
 - Kesepakatan kaum
- Kaedah untuk memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan remaja kini.**
 - Memahami dan menghayati sejarah negara
 - Berjumpa dengan para pahlawan yang telah berkorban untuk negara
 - Menyertai sambutan bulan kemerdekaan
 - Memahami konsep rukun negara

4. Nilai patriotik perlu ditanam dalam jiwa rakyat dan pemimpin.

- Demi mengekalkan keamanan dan kedaulatan negara
- Melahirkan pemimpin yang mempunyai jati diri
- Dihormati dan dipandang tinggi oleh negara luar
- Di geruni oleh musuh

➤

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

SYAIR BIDASARI

Dengarkan tuan suatu riwayat,
Raja di desa Negeri Kembayat,
Dikarang fakir dijadikan hikayat,
Supaya menjadi tamsil ibarat.

Ada raja suatu negeri,
Sultan halifah akas bestari,
Asalnya baginda raja yang bahari,
Melimpah ngadil dagang senteri.

Hairan orang empunya temasya,
Baginda itulah raja perkasa,
Sangat tiada merasai susah,
Entah pada esok dan lusa.

Seri sultan raja bestari,
Setelah ia sudah beristeri,
Beberapa bulan beberapa hari,
Hamillah puteri permaisuri.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,
Baginda duduk bersuka-sukaan,
Datanglah beroleh kedudukan,
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Datanglah kepada suatu masa,
Melayanglah unggas dari angkasa,
Unggas *gurda* sangat perkasa,
Menjadi negeri rosak binasa.

Datanglah menyambar suaranya bahana,
Gemparlah sekalian mulia dan hina,
Seisi negeri gundah-gulana,
Membawa diri ke mana-mana.

Baginda pun sedang dihadap orang,
Mendengar gempar seperti perang,
Bertitah baginda raja yang garang,
“Gempar ini apakah kurang”.

Jamilah Hj. Ahmad

Antologi Jacket Kulit Kijang Dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Dikisahkan dalam sebuah kerajaan, seorang raja memiliki dua putera yang beranjak menjadi dewasa. Mereka berdua pandai dan baik hati. Melihat sifat dan kemampuan kedua-dua putera mahkota, rakyat berasa lega dan berbahagia kerana kelak, apabila raja turun dari takhta, siapapun antara kedua-dua putera mahkota, pasti akan mampu memimpin kerajaan dengan baik dan bijak.

“Anakku! Ayahanda tahu kalian berdua sama-sama pandai, berprestasi serta mencintai kerajaan ini. Ayahanda menyayangi kedua-dua anakanda dan tidak pernah membeza-bezakan. Umur ayahanda semakin tua, suatu hari kelak ayahanda harus menyerahkan takhta kerajaan ini kepada salah seorang daripada kalian. Sesiapapun kelak yang memerintah kerajaan ini, kalian berdua harus tahu bahawa ayahanda tidak pernah *meragui kemampuan* kalian dan tetap menyayangi sama besarnya.

Dipetik daripada

Cerpen Lilin dan Pemimpin,

Sumber: Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *meragui kemampuan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan ciri-ciri yang sepatutnya dimiliki oleh seorang raja atau pemerintah sesebuah kerajaan. [4 markah]
- (iii) Jatuh bangun sesebuah negara terletak di tangan remaja kini kerana mereka merupakan pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan.

Berikan pendapat anda tentang ciri-ciri remaja yang berwawasan. [3 markah]

- (iv) Di dalam sesebuah negara, seorang pemimpin mestilah berwibawa dan memiliki ciri-ciri pemimpin yang ideal bagi memastikan negara aman dan sejahtera.

Berikan kesan negatif sekiranya pemimpin tidak dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik. [4 markah]

SKEMA JAWAPAN

- (i) Maksud meragui kemampuan
- Berasa bimbang/ sangsi terhadap/ waswas [1 markah]
 - Kebolehan / kekuatan [1 markah]
- (ii) Ciri-ciri seorang raja atau pemerintah
- P1 Baginda itulah raja perkasa,
 - P2 Sultan raja bestari,/ bijaksana
 - P3 Mereka berdua pandai
 - P4 Baik hati
 - P5 Berprestasi (Isi cukup: 3 isi)
 - P6 Mencintai kerajaan mereka [4 markah]
- (iii) ciri-ciri remaja yang berwawasan.
- P1 Mempunyai ilmu pengetahuan
 - P2 Personaliti yang menarik
 - P3 Tidak mudah berputus asa
 - P4 Berani mencuba sesuatu yang baru / berinovasi
 - P5 Mempunyai semangat patriotisme (Isi cukup : 2 isi)
 - P6 Bertanggungjawab [3 markah]
- (iv) Kesan negatif sekiranya pemimpin tidak dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik.
- P1 berlaku pergaduhan dalam kalangan rakyat
 - P2 menjejaskan ekonomi negara
 - P3 negara tidak aman / keadaan huru-hara
 - P4 meningkatkan kadar kemiskinan (Isi cukup: 3 isi)
 - P5 keadaan politik tidak stabil [4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dr. Maxi faham tujuan amanah itu ditulis sedemikian Karl sudah menyediakan Farisha sebagai wakilnya. Mikrocip yang tertanam di dalam tubuh Farisha telah direka khas oleh Karl bagi membolehkan dia menyalurkan pemikirannya kepada wanita itu. Dengan itu, Farisha boleh melaksanakan setiap tugas yang diarah oleh Karl

Mikrocip itu berupaya menjadi penerima isyarat dan mentafsirkan kepada arahan dan seterusnya menggerakkan anggota tubuh Farisha untuk bertindak balas. Mikrocip itu merupakan hasil daripada kajian yang mengambil masa lebih 20 tahun.

Dipetik daripada
Novel Disebalik Dinara
Karya Dayang Nor
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan kelebihan-kelebihan mikrocip ?

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

Watak sampingan dalam sesebuah novel sering membantu watak utama menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh watak utama.

Berdasarkan novel yang anda kaji, jelaskan perwatakan watak sampingan itu .

SKEMA JAWAPAN.

Soalan 8

Markah penuh 10 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8.

Soalan 8 (i)

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk 1 isi
- iv. Markah bagi 2 isi - maksimum 4 markah.

8(ii) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.

- (i) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (ii) Jawapan mesti merujuk kepada pengajaran tentang keberanian dalam novel.
- (iii) Aspek Pemarkahan: Berikan 1 markah untuk pernyataan nilai baik hati sebuah novel.
 - Berikan 1 markah untuk pernyataan yang lengkap / jelas
 - Berikan 1 markah untuk peristiwa yang lengkap / jelas
 - Maksimum markah setiap isi = 2 markah
- Bahasa – 2 markah
 - (iv) Markah isi maksimum, 4 markah
 - (v) Markah bahasa maksimum, 2 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi
 - (vi) Markah bahasa diberi seperti berikut:
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
 - (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
 - (viii) Calon tidak menjawab, 0 markah

[Maksimum: 6 markah]

SKEMA JAWAPAN

Kelebihan-kelebihan mikrocip:

- i. menjadi penerima isyarat
- ii. mentafsirkan kepada arahan
- iii. menggerakkan anggota tubuh Farisha untuk bertindak balas

NOVEL DI SEBALIK DINARA

Akram

1) *seorang yang bertanggungjawab.*

Contohnya ialah Akram *bertanggungjawab* kepada arahan ketuanya, iaitu Dr Maxi yang mengarahkannya menjejaki Farisha. Dia berjaya menemui Farisha. Farisha diminta untuk menyelamatkan system Dinara yang terancam oleh virus yang dihantar oleh musuh-musuh Karl.

2) *seorang yang jujur.* Buktinya jelas menerusi peristiwa Akram jujur dengan membocorkan rahsia dirinya yang sebenar kepada Farisha. Sebenarnya, dia telah diberi identity yang baharu oleh Karl. Asalnya beliau ialah Akeem dan merupakan adik Karl yang terencat akak. Umurnya 60 tahun dan bukan 30 tahun. Ui kaji Karl telah berjaya mengubah penampilan dirinya.

3) *Seorang yang gigih berusaha .*

Contohnya – Akram gigih berusaha untuk menjejaki Farisha. Dia telah mengambil cawan Farisha semasa di dalam kapal terbang dan telah bekerjasama dengan Dr Maxi untuk mengkaji DNA Farisha bagi mengenal pasti identitinya.

4) *Seorang yang bijak.*

Contohnya – Akram bertindak bijak dengan mengambil cawan yang telah digunakan oleh Farisha yang terdapat kesan air liur untuk membuat ujian DNA. Akram juga mengesan Farisha melalui facebook dan tempahan tiket kapal terbang sehingga akhirnya berjaya mengesan Farisha.

5) *Seorang yang penyabar.*

Contohnya – akram bertindak secara sabar bagi memastikan dia dapat menarik perhatian Farisha untuk bekerja di Soft Lab. Dia berusaha menembusi fikiran Farisah dengan menggunakan strategi dengan menawarkan kontrak bernilai RM1.5 juta dengan Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd. Iaitu syarikat yang ditubuhkan secara kongsi antara Farisha dan Rosman.

NOVEL SILIR DAKSINA

Ong Swee Hwa

Seorang yang Amanah – menyerahkan manuskrip yang diamanahkan oleh Abdullah bin Kayan kepada Haiqal.

Seorang yang rajin – mengemas perpustakaan di balai raya tanpa mengharapkan balasan.

Seorang yang meminati kebudayaan Melayu -mempelajari tarian Zapin Jinjat dan mempersembhkannya Bersama dengan Haiqal Hakimi.

SOALAN 8 : NOVEL

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Oh, kitab boleh pancarkan *display* ke situ?” soal Farisha, agak kagum.

“Ya, ini dinding dwifungsi! Dinding ini boleh digunakan sebagai *touch screen*. Saya akan tunjukkan beberapa fail di sini,” jawab Alia lalu bangun menuju ke dinding. Dia menyentuh beberapa ikon dan gambar rajah seni bina yang pertama terapar.

Farisha melopong mendengar pembentangan Alia. Dia begitu lancar, tenang dan betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan. Kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip. Farisha berasa kagum berselang-seli dan kehairanan kerana sejak tadi dia tidak nampak pun Alia mengerdipkan mata.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan kelebihan-kelebihan Alia yang dapat dilihat oleh Farisha ketika menyampaikan pembentangannya. [4 markah]
- (ii) Jawab soalandi bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:
- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib
 - (b) *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Nor
 - (c) *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
 - (d) *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin
 - (e) *Songket Bebenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
 - (f) *Tirani*, karya Beb Sabariah
 - (g) *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
 - (h) *Bimasakti Menari*, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan sebab-sebab peristiwa ini menarik minat kepada pembaca.

[6 markah]

SKEMA JAWAPAN

Kelebihan-kelebihan Alia:

- begitu lancar
- tenang
- betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan
- kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip.
- Alia tidak menngerdipkan mata sepanjang pembentangan .

Peristiwa menarik bahagian pengakhiran novel:

Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

1. Peristiwa kedatangan Marilyn atau Medina bersama dengan dua orang upahannya dan Farisha ke Soft Lab semasa Karl disahkan dalam keadaan nazak oleh Dr. Haris. Situasi tersebut telah membongkar rahsia tentang ibu bapa kandung Farisha. Medina menjelaskan bahawa Karl ialah bapa kandung Farisha. Hal tersebut diakui oleh Dr. Maxi.

Peristiwa ini menarik kerana sifat keberanian untuk menyatakan kebenaran.

2. Peristiwa Karl menyampaikan wasiat terakhir agar mayatnya dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka. Aqram menyempurnakan permintaan terakhir abangnya itu di pantai Port Dickson.

Peristiwa ini menarik kerana mendidik pembaca agar menunaikan amanah yang telah diberikan.

3. Peristiwa Shida yang berkelakuan aneh menyebabkan Aqram berpendapat bahawa Karl masih berada dalam diri Shida walaupun Karl telah meninggal dunia.

Peristiwa ini menarik kerana menggalakkan seseorang agar sentiasa berfikir waras.

Silir Daksina karya Nizar Parman

- (i) Peristiwa Haiqal melanjutkan pelajaran di sebuah universiti yang terletak di Bumi Kenyalang.

Peristiwa ini menarik kerana menggalakkan pembaca agar sentiasa berusaha meningkatkan ilmu.

- ii) Peristiwa Umi menangis di pusara ketika mereka menziarahi kubur arah Abdullah bin Kayan.

Peristiwa ini menarik kerana dapat memberikan keinsafan kepada seseorang agar membaiki kesilapan pada masa lalu.

- iii) Peristiwa Haiqal menghantar pesanan ringkas kepada Ong See Hwa untuk terus menjejaki Ai Ling.

Peristiwa ini menarik kerana menunjukkan sikap Haiqal yang tidak putus asa untuk mengetahui sesuatu.

BAHAGIAN C

Soalan 9 – Rumusan

[30 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 – Petikan

Statistik kes keracunan makanan di negara ini menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa berikutan beberapa faktor. Buktinya pada Mei tahun lalu, Kementerian Kesihatan mendedahkan kes keracunan makanan menunjukkan peningkatan 23.69 peratus iaitu 401 kes kepada 496 kes berbanding tahun sebelumnya. Penyelidik Institusi Produk Halal, Universiti Putra Malaysia (UPM), Nor Nadiha Mohd Zaki berkata, pengendali makanan adalah individu pertama yang memainkan peranan penting dalam rantaian pembuatan makanan sebelum sampai kepada pengguna.

Terdahulu pengendali makanan perlu memilih bahan mentah yang berkualiti supaya bahan mentah sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, tidak busuk dan berbau. Penyimpanan bahan mentah di tempat dan suhu yang betul juga penting sebelum menyediakan, menghidang dan membungkus makanan dengan cara yang betul.

Kebiasaannya makanan tercemar ketika proses penyediaan, pemrosesan, penghidangan dan penghantaran. Oleh itu, pengendali makanan mesti membasuh tangan dan peralatan dengan sempurna selepas mengendalikan bahan mentah. Pengasingan bahan makanan juga perlu dilakukan bagi mengelakkan pencemaran silang kepada makanan yang siap dimasak. Begitu juga bahan mentah daripada tumbuhan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran, perlu dibasuh dengan air bersih sebelum dimasak atau dimakan.

Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 wajib dipatuhi oleh semua pengendali makanan di negara ini. Setiap pengendali makanan diwajibkan menghadiri Kursus Latihan Pengendalian Makanan bagi mendedahkan mereka kepada kaedah pengendalian makanan dan mengambil suntikan antifoid bagi memastikan bebas dari sebarang penyakit bawaan makanan. Kementerian Kesihatan juga mengeluarkan beberapa garis panduan untuk rujukan pengendali makanan termasuk Garis Panduan Pengiktirafan BeSS (Bersih, Selamat dan Sihat), Garis Panduan dan Kod Etika Perkhidmatan Restoran.

Dipetik dan diubah suai daripada

Keracunan Makanan

Oleh Muhamaad Razis Ismail

myMetro h.metro.com.my, Isnin, 3 Februari 2020

KERACUNAN MAKANAN

Keracunan Makanan Boleh **Membunuh**,
Segera Dapatkan Rawatan

Gejala Neurologi:
-Kebas Mulut
-Sukar Bernafas

TANDA- TANDA

Loya	Muntah	Sakit Perut	Demam	Cirit-birit
				

Keracunan Makanan Boleh Dielak

- Lihat, hidu dan rasa sebelum makan dan jangan makan makanan rosak
- Amalkan **kebersihan diri**
- Cuci tangan sebelum makan, selepas ke tandas dan sebelum menyediakan makanan



 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Sumber Internet - Unit Promosi Kesihatan

Pejabat Kesihatan Lembah Pantai

SKEMA JAWAPAN RUMUSAN

RUMUSAN – 30 MARKAH

Bahagian	Markah
Pendahuluan	2
Isi Bahan 1	12
Isi Bahan 2	4
Kesimpulan	2
Jumlah Isi	20
Bahasa	10
Jumlah	30

PENDAHULUAN (2 markah)

Rumusan membincangkan kaedah-kaedah/langkah - langkah mengelakkan kes keracunan makanan dan tanda - tanda seseorang itu mengalami keracunan makanan.

ISI-ISI PENTING

BAHAN 1

FOKUS 1 : KAEDAH/LANGKAH MENGELAKKAN KES KERACUNAN MAKANAN

1	Pengendali makanan perlu memilih bahan mentah yang berkualiti	2m
2	Penyimpanan bahan mentah di tempat dan suhu yang betul	2m
3	pengendali makanan mesti membasuh tangan dan peralatan dengan sempurna	2m
4	Pengasingan bahan makanan juga perlu dilakukan	2m
5	Bahan mentah daripada tumbuhan perlu dibasuh dengan air bersih sebelum dimasak atau dimakan.	2m
6	Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 wajib dipatuhi oleh semua pengendali makanan	2m
7	Pengendali makanan diwajibkan menghadiri Kursus Latihan Pengendalian Makanan	2m
8	Pengendali makanan mengambil suntikan antitoid	2m

BAHAN 2

FOKUS 1 :TANDA – TANDA SESORANG ITU MENGALAMI KERACUNAN MAKANAN

1	Gejala neurologi – kebas mulut dan sukar bernafas	2m
2	Loya	2m
3	Muntah	2m
4	Sakit perut	2m
5	Demam	2m
6	Cirit - birit	2m

FOKUS 2 : LANGKAH-LANGKAH MENGELAKKAN KERACUNAN

1	Lihat, hidu dan rasa sebelum makan dan jangan makan makanan yang rosak	2m
2	Amalkan kebersihan diri	2m
3	Cuci tangan sebelum makan, selepas ke tandas dan sebelum menyediakan makanan	2m

BAHAGIAN C

SOALAN 9 : RUMUSAN

[30 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal dan bahan.

Bahan 1 - Petikan

Situasi pandemik COVID-19 telah masuk tahun kedua. Melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) kali kedua yang bermula 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021, Malaysia sekali lagi berada dalam keadaan yang berjaga-jaga. Ironinya, permulaan sesi persekolahan yang dijadualkan bermula pada 20 Januari 2021 juga terpaksa ditangguhkan. Bertindak sebagai adaptasi terhadap situasi pandemik semasa, Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) melaksanakan proses pendigitalan buku teks bercetak kepada buku teks berformat digital. Kita memahami bahawa langkah ini sebagai satu daripada usaha untuk menyesuaikan keadaan sistem pendidikan dengan situasi semasa.

Buku teks digital direncanakan agar mudah diakses dan dicapai. Aplikasi yang dibangunkan ialah KPM eTextbook Reader. Setelah aplikasi dimuat naik dalam peranti masing-masing, pengguna perlu memuat turun buku teks yang diperlukan sekali sahaja. Seterusnya, buku teks digital ini dapat diakses pada bila-bila masa walaupun tanpa akses internet. Selain mudah dicapai dan diakses, buku teks digital turut menyediakan ruang simpanan yang lebih baik. Pelajar tidak memerlukan rak buku atau beg untuk menyimpan buku teks dan dibawa ke sekolah. Bahkan, terdapat suatu tempoh masa apabila negara sibuk membahaskan isu beg pelajar yang berat. Pelbagai cadangan diutarakan, tahun 2021 sekurang-kurangnya pelajar tidak perlu memikul beg yang berat untuk ke sekolah.

Jika dahulu, subtopik buku teks dicari melalui penggunaan isi kandungan dan muka surat, tetapi kini penggunaan aplikasi (*search*) dalam setiap tajuk yang ingin dibaca atau dikaji memudahkan lagi proses PdP. Kini pelajar, lebih efisien dengan hanya mencari sesuatu melalui kata kunci (keyword). Amalan ni akan menjadi kebiasaan apabila pelajar beralih ke peringkat pengajaran yang lebih tinggi dan tidak berlaku kejutan budaya dalam proses transisi tersebut. Dengan membiasakan diri mencari maklumat melalui penggunaan buku teks digital dengan lebih efisien, murid dapat memahami dan meneroka konsep serta strategi pembelajaran yang ingin dipelajari dengan lebih pantas.

Fasa penjimatan perbelanjaan ialah usaha dan tumpuan kerajaan pada masa ini. Perbelanjaan yang berhemat dan bergantung pada teknologi merupakan strategi bijak dan praktikal. Perlu diketahuhi bahawa dana penerbitan buku teks adalah tinggi. Masa, tenaga dan kepakaran individu yang bertanggungjawab mengurus buku teks hingga guru yang mengendalikan buku teks di sekolah dapat dijimatkan dan digunakan untuk perkara yang lebih

penting seperti penambahbaikan platform digital buku teks pada masa akan datang. Sememangnya kepakaran ini boleh dibina dan seterusnya membantu melancarkan proses PdP secara dalam talian.

Penggunaan buku teks digital ini juga dilihat selari dengan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah(PdPR) sepanjang awal persekolahan tahun 2021. Sesi pengajaran guru akan menjadi lebih menarik dengan penggunaan buku teks digital dan murid akan lebih mudah merujuk melalui peranti measing-masing di samping kelas menjadi lebih interaktif. Penggunaan buku teks digital dilihat bersesuaian dengan apa jua platform PdPR kerana penggunaannya telah dipermudah dan disesuaikan mengikut keperluan dunia semasa. Akhir sekali, teknologi ini telah banyak diguna pakai dalam sektor kerajaan dengan mengutamakan digitalisasi. Menyokong Pelan Tindakan Transformasi Kerajaan Digital 2017-2018, KPM merialisasikan pelan ini dengan tindakan berterusan melalui transformasi pendidikan kebangsaan.

Oleh hal yang demikian, rakyat akan terus diutamakan dalam memperluas perkhidmatan, menghapuskan karenah birokrasi dan meningkatkan akauntabiliti. Dengan kerjasama kerajaan, pihak sekolah, tenaga pengajar, pelajar dan sokongan ibu bapa, penggunaan buku teks digital ini diharapkan dapat mengangkat sistem pendidikan negara kita ke satu tahap yang lebih maju dan berdaya saing.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana “ Buku Teks Digital Apakah Manfaat”Dewan Siswa Bil 3,2021)

Bahan 2 – Bahan Grafik

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

PdPR

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI RUMAH**
Guru login menggunakan
ID DELiMa

3 PRINSIP ASAS

Pertimbangan dalam pelaksanaan PdPR :-

1. Tiada murid tercicir dalam pembelajaran
2. Asas pembelajaran dipenuhi :-
 - a) Standard Kandungan
 - b) Standard Pembelajaran
 - c) Pentaksiran
3. Kesejahteraan sosioemosi murid diutamakan - Supaya murid bermotivasi.

SKEMA JAWAPAN

Pengenalan (2 markah)

Rumusan ini tentang manfaat buku teks digital dan prinsip asas pengajaran dan pembelajaran di rumah.

Isi bahan 1- manfaat buku teks digital(petikan)

1. direncanakan agar mudah diakses dan dicapai.
2. buku teks digital turut menyediakan ruang simpanan yang lebih baik.
3. Kini pelajar, lebih efisien dengan hanya mencari sesuatu melalui kata kunci (keyword)
4. Masa, tenaga dan kepakaran individu yang bertanggungjawab mengurus buku teks hingga guru yang mengendalikan buku teks di sekolah dapat diijamatkan dan digunakan untuk perkara yang lebih penting
5. Penggunaan buku teks digital ini juga dilihat selari dengan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah(PdPR)
6. teknologi ini telah banyak diguna pakai dalam sektor kerajaan dengan mengutamakan digitalisasi

isi bahan 2- prinsip asas pengajaran dan pembelajaran di rumah

1. tiada murid tercicir dalam pembelajaran
2. asas pembelajaran dipenuhi
3. kesejahteraan sosioemosi murid diutamakan-supaya murid bermotivasi

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama memastikan murid-murid mengikuti PdPR supaya mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran.

BAHAGIAN C
SOALAN 9 : RUMUSAN

[30 markah]

Baca petikan di bawah dan teliti pantun yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 : Petikan

Pada era pascamerdeka ini, negara kita semakin disanjung tinggi oleh negara-negara lain. Hal ini dikatakan demikian kerana negara kita berjaya mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek. Malahan, Malaysia berjaya mengukir nama di persada dunia kerana ekonominya yang mantap. Dalam hal ini, Malaysia telah memanfaatkan industri pelancongan bagi merealisasikan impian negara menjadi destinasi pelancongan dunia. Antara keunikan yang terdapat di Malaysia ialah rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan hidup bersatu padu. Hal ini mampu menarik pelancong luar untuk bertandang ke negara kita. Oleh itu kita perlu berusaha untuk mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.

Dalam konteks ini, terdapat beberapa faktor yang mendorong kemasukan pelancong luar ke negara kita termasuklah kemudahan pengangkutan yang semakin maju. Antara kemudahan pengangkutan yang terdapat di negara kita termasuklah Transit Aliran Ringan (LRT), monorel, kereta api elektrik, teksi, bas dan pengangkutan-pengangkutan lain. Pada masa yang sama, kemudahan membeli-belah yang disediakan juga menggalakkan pelancong berkunjung ke Malaysia. Mereka dapat berbelanja atau mendapatkan cenderamata untuk dibawa pulang ke negara mereka. Barang-barang yang terdapat di situ juga dijual pada harga yang berpatutan.

Keadaan iklim semula jadi yang panas sepanjang tahun mempengaruhi perkembangan industri pelancongan di negara kita. Iklim seperti ini amat digemari oleh pelancong asing khususnya pelancong dari negara-negara Barat seperti negara Eropah dan Amerika Syarikat. Kepelbagaian bentuk muka bumi yang menarik seperti kawasan rekreasi di tanah tinggi dan hutan semula jadi iaitu hutan hujan Khatulistiwa yang berusia lebih dua juta tahun menjadi tumpuan para pengkaji tempatan dan luar negara. Di samping itu, pantai-pantai dan pulau-pulau yang masih belum tercemar merupakan aset penting dalam industri pelancongan. Kemajuan industri pelancongan tanah air turut dibantu oleh wujudnya keunikan budaya di negara kita kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk. Dalam hal ini, gabungan budaya masyarakat Melayu, Cina dan India telah berjaya meningkatkan kunjungan pelancong asing ke Malaysia.

Peranan pihak kerajaan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan pelancongan juga turut memajukan sektor pelancongan di Malaysia. Sebagai contohnya, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mengadakan pelbagai pertunjukan kebudayaan dan destinasi pelancongan ke seluruh dunia sebagai usaha mempromosikan Malaysia kepada pelancong asing. Sesungguhnya, sektor pelancongan merupakan sektor yang berpotensi untuk menyumbang kepada ekonomi negara. Industri ini masih perlu diteroka kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Bahan 2: Pantun

PANTUN RAGAM MELANCONG

Ke tepi kali mencari pegaga,
Airnya diminum menambah seri;
Bercuti rehat bersama keluarga,
Tempat menarik dalam negeri.

Berkemban si dara tepian telaga,
Terpandang jejak terasa berahi;
Indah alam laksana syurga,
Tambah syukur nikmat Illahi.

Jolok pauh tepi penyengat,
Jangan sampai terpijak duri;
Poket kering sedar tak ingat,
Beli belah tak ingat diri.
(Sumber: Hasil karya Engku Muzahadin)

SKEMA JAWAPAN

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab menggalakkan industri pelancongan dan kebaikan aktiviti pelancongan di Malaysia.

Fokus 1: Faktor-faktor menggalakkan industri pelancongan

Bahan 1

1. Rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan hidup bersatu padu
2. Kemudahan pengangkutan yang maju.
3. Kemudahan membeli-belah yang disediakan.
4. Keadaan iklim semula jadi yang panas sepanjang tahun.
5. Kepelbagaian bentuk muka bumi yang menarik.
6. Pantai-pantai dan pulau-pulau yang masih belum tercemar.
7. Wujudnya keunikan budaya.
8. Peranan kerajaan dan agensi kerajaan.

Fokus 2: Kebaikan Aktiviti Pelancongan

Bahan 2

1. Meluangkan masa bersama-sama ahli keluarga. (R1 B3)
2. Menambah rasa syukur kepada Tuhan atas nikmat dan anugerah pelbagai ciptaan.(R2 B4)
3. Membeli-belah pelbagai barangan dan cenderahati. (R3 B4)

BAHAGIAN C
SOALAN 9 : RUMUSAN

[30 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 : Petikan

Saban tahun kebanyakan pelajar lepasan universiti menepuh pelbagai cabaran dan terpaksa bersaing dalam merebut peluang pekerjaan berikutan ekonomi yang tidak stabil, menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan sekali gus meningkatkan peratusan pengangguran di Malaysia.

Segelintir siswazah baharu yang berkelulusan peringkat tinggi seperti diploma, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran mengambil masa yang agak panjang untuk mendapatkan pekerjaan, manakala segelintir yang lain pula tidak bertahan lama di tempat mereka berkhidmat. Hal ini disebabkan oleh tawaran gaji yang tidak cukup untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat, lebih-lebih lagi bagi yang menetap di kawasan pusat bandar.

Selain itu kegagalan siswazah untuk mendapatkan pekerjaan turut berpunca daripada penguasaan bahasa Inggeris yang lemah. Sikap terlalu memilih pekerjaan dan permintaan gaji yang tinggi menyebabkan mereka kehilangan peluang serta bakal meningkatkan masalah pengangguran di negara ini. Kurang kemahiran berkomunikasi juga adalah antara penyumbang siswazah ini tidak berjaya melepasi temuduga. Bukan itu sahaja, personaliti yang kurang meyakinkan dan kurang berketrampilan menjadikan majikan sukar menerima mereka dalam sektor pekerjaan.

Siswazah hari ini perlu lebih proaktif dalam meneruskan kelangsungan hidup selepas menempuh alam universiti. Peluang dan ruang untuk mereka membina kerjaya tetap terbuka luas. Siswazah boleh mengikuti bidang diluar kemahiran mereka seperti wartawan menjadi chef dan peguam menjadi pelakon. Dalam situasi ekonomi kini, siswazah perlu bersikap kreatif serta tidak malu untuk menceburi bidang yang rencam seperti mentemak ayam kampung, menjadi pembantu restoran dan berniaga nasi lemak.

Oleh yang demikian, penawaran pelbagai bidang pengajian yang pesat daripada kolej atau universiti perlulah dikaji semula memandangkan peluang pekerjaan semakin tipis untuk diraih. Kerjasama daripada semua pihak amatlah diharapkan bagi melahirkan modal insan yang mampu membina kemajuan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Graduan menganggur, salah siapa?’
oleh Khairunnisa’ Dalila Roslan
Dewan Bahasa dan Pustaka, Bil.3/2017

Bahan 2



Karnival Kerjaya Jobs Malaysia

ANJURAN JABATAN TENAGA KERJA NEGERI PULAU PINANG

15 September 2019 (AHAD)
10.00 Pagi - 4.00 Petang

Tempat: MYDIN BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.

20 Majikan

AKTIVITI YANG DIJALANKAN:

- PENDAFTARAN PORTAL JOBSMALAYSIA
- TEMUDUGA TERBUKA
- KHIDMAT NASIHAT PERBURUHAN
- KLINIK KERJAYA

Untuk maklumat lanjut, senarai majikan dan jawatan, sila layari : [f JobsMalaysia Pulau Pinang](#) Whatsapp : [013-34122446](#) Hubungi : [04-3239326](#)

Logos: Malaysia, JobsMalaysia, PAUH, MYDIN

Petikan

Fokus 1: Punca graduan menganggur (7 isi)

- 1) tawaran gaji yang tidak cukup untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat
- 2) penguasaan bahasa Inggeris yang lemah
- 3) sikap terlalu memilih pekerjaan
- 4) permintaan gaji yang tinggi
- 5) kurang kemahiran berkomunikasi
- 6) personaliti yang kurang meyakinkan
- 7) kurang berketrampilan

Fokus 2 : Langkah /Usaha mengatasi pengangguran (2 isi)

- 1) siswazah boleh mengikuti bidang diluar kemahiran mereka
- 2) siswazah perlu bersikap kreatif serta tidak malu untuk menceburi bidang yang rencam

Grafik

Fokus 3: Usaha mengatasi pengangguran(4 isi)

1. Pendaftaran Portal JobsMalaysia
2. Temuduga terbuka
3. Khidmat nasihat perburuhan
4. Klinik kerjaya

Fokus 2: Peranan pelbagai pihak mengatasi pengangguran (3 isi)

- 1) Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang, Kementerian Sumber Manusia
- 2) JobsMalaysia Pulau Pinang
- 3) MYDIN Holding Bhd

SENARAI PENULIS MODUL BAHASA MELAYU SPM JILID 1 2021/2022

BIL	NAMA	SEKOLAH
1	Pn. Hj Noraini binti Ismail	SMK(P) Sultan Abu Bakar Muar
2	Pn. Sariffah binti Muhammad	SMK Dato' Seri Amar Diraja Muar
3	Pn. Zaharah binti Tumian	SMK Tun Perak Muar
4	Pn. Azean binti Abdullah	SMK Convent Muar
5	Pn. Maspupah binti Sanugi	SMK Dato' Seri Amar Diraja Muar
6	En. Abdul Rahman bin Mohd	SMK Bandar Maharani Muar
7	Pn. Haslina binti A.Huzaimi	SMKA Maahad Muar
8	En. Lim Tong Hai	SMK St Andrew Muar
9	Pn. Norhuda binti Sabuddin	SMK Tun Dr Ismail Muar
10	En. Hishamudin bin Md Tap	SMK Sri Muar
11	Pn. Zurina binti Tahad	SMK Sungai Abong Muar
12	Pn. Siti Nor Azizah binti Abd Wahab	SMA Addiniah Muar
13	Pn. Zamzarina bt Tuslan	SMK Pekan Baru Muar
14	En. Shahizan bin Saim	SMK Tun Sulaiman Ninam Shah Muar
15	Pn.Fathiah binti Mohd Noor	SMK(F) Bukit Kepong Muar
16	Pn. Norlaile binti Elias	SMK Bukit Pasir Muar
17	Pn.Rodziah binti Hassan	SMK Tengku Mahkota Muar
18	Pn.Rudiah binti Jalal	SMK Bukit Naning Muar
19	Cik Maisarah binti Ahmad	SMKA Hj Mohd Yassin Muar
20	Pn.Noorfaezah binti Abdul Rahim	SMK Sultan Alaudin Riayat Shah 1,Pagoh
21	Pn.Nur Farahisha bt Kamarul Ariffin	SMK Lenga Muar
22	Pn. Nurul Izati Bt Ariffin	SMK Raja Muda Muar
23	Pn.Sahilah binti Abdullah	Kolej Vokasional Muar
24	En. Mohd Adam bin Sapardi	MRSM Muar
25	Pn. Badariah Bt Madon	Sekolah Tinggi Muar
26	Pn. Hanida binti Sumadi	SMKA Pagoh Muar
27	Pn.Nurul Syahira Binti Abdul Shukur	SMK Seri Menanti Muar
28	Pn.Norain binti Mahpof	SMA Tanwiriah Muar

